



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2903]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Kesembilan)—

Jadual:

Maksud B. 31 hingga B. 35 [Ruangan 2929-2936]

Maksud B. 36 [Ruangan 2958]

Maksud B. 37 [Ruangan 2985]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Kesembilan)—

Maksud P. 31, P. 34 dan P. 67 [Ruangan 2936-2938]

Maksud P. 36 [Ruangan 2958]

Maksud P. 37 [Ruangan 2985]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- .. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- .. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- .. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- .. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- .. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- .. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- .. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- .. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- .. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahrü).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT. K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 24hb November, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**ELAUN PENYELIA/GURU KELAS
PERPADUAN RAKYAT**

1. **Tuan Hashim bin Ghazali** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar elaun Penyelia-penyelia dan Guru-guru Kelas Perpaduan Rakyat masih elaun lama, pada hal elaun Penyelia-penyelia dan Guru-guru KEMAS telah pun naik baharu-baharu ini; jika sedar, adakah beliau bercadang hendak menaikkan elaun tersebut. Jika ya, bila.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji dan menimbangkan beberapa cadangan mengenai elaun bagi Penyelia-penyelia dan Guru-guru Kelas Perpaduan Rakyat. Keputusan terhadapnya adalah diharapkan boleh dibuat dalam sedikit masa lagi.

MAHKAMAH MAJISTERET ALOR SETAR

2. **Tuan Oo Gin Sun** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa semenjak bulan Januari, 1978, Mahkamah Mejisteret di Alor Setar dan Kedah Utara berkeadaan kucar-kacir oleh sebab tersangat kurang kakitangan-kakitangan, seperti berikut:

(i) cuma ada 2 orang Mejisteret di mana pada lazimnya patut ada 3 orang Mejisteret;

(ii) cuma ada seorang Jurubahasa Melayu yang bertauliah hendak mengendalikan 3 Mahkamah-mahkamah Mejisteret;

(iii) cuma ada seorang kerani sivil untuk mengelola 3 Mahkamah-mahkamah Mejisteret; dan

(iv) cuma ada seorang Jurubahasa Thai bagi seluruh Negeri-negeri Malaya. Dapatkan Menteri memperbetulkan keadaan ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua,

(i) Saya sedar bahawa pada masa ini hanya terdapat 2 orang Mejisteret di Alor Setar di mana lazimnya ditempatkan 3 orang Mejisteret. Hal ini adalah kerana kekurangan Mejisteret pada masa ini. Walau bagaimanapun seorang Mejisteret tambahan akan dihantar ke Alor Setar tidak lama lagi.

(ii) Pada masa ini terdapat 2 orang Jurubahasa Melayu di Mahkamah Mejisteret Alor Setar. Walau bagaimanapun, jawatan-jawatan tambahan bagi Jurubahasa Melayu telah diluluskan dan pengambilan Jurubahasa-jurubahasa Melayu sedang dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Bilangan Jurubahasa-jurubahasa Melayu yang ditempatkan di Mahkamah tersebut akan ditambah apabila sahaja Jurubahasa-jurubahasa Melayu baru didapati.

(iii) Adalah benar bahawa pada masa ini hanya terdapat seorang kerani di Mahkamah Mejisteret Alor Setar yang mengelola kes-kes sivil. Walau bagaimanapun, jawatan-jawatan kerani tambahan bagi Mahkamah-mahkamah juga telah diluluskan dan bilangan jawatan kerani di Mahkamah tersebut

juga akan ditambah apabila sahaja proses pengambilan yang sedang dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam selesai.

- (iv) Sebenarnya pada masa ini terdapat 2 orang Jurubahasa yang boleh bercakap Thai di Semenanjung Malaysia. Lima jawatan baru Jurubahasa Thai telah diluluskan dan pengambilan Jurubahasa-jurubahasa Thai sedang dijalankan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mereka ini akan ditempatkan di negeri-negeri yang bersempadan dengan Negeri Thai.

Adalah diharapkan bahawa dengan tindakan-tindakan di atas itu akan memperbaiki masalah kekurangan kakitangan Mahkamah seperti Ahli Yang Berhormat bangkitkan itu.

SEKIM PENCEN

3. **Tuan V. David** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbang menyusun semula sekim pencen kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Majlis-majlis Tempatan memandangkan kenaikan sara hidup pada masa ini.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menyusun semula sekim pencen kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Majlis-majlis tempatan. Pihak Kerajaan adalah berpuashati dengan sekim yang terdapat sekarang dan yang telah wujud hasil daripada pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang berkuatkuasa mulai daripada 1-1-1976.

Kerajaan juga telah menimbang kedudukan pesara-pesara dahulu yang telah bersara di bawah sekim tanggagaji Suffian dan Aziz yang telah bersara di bawah faktor pencen 1/800 dan juga mereka yang telah bersara terdahulunya dengan faktor pencen 1/600. Oleh kerana kesedaran Kerajaan yang mereka itu adalah menerima pencen yang agak kecil dan kerumitan hidup yang telah dialami oleh pesara-pesara disebabkan kenaikan sara hidup maka Kerajaan telah bersetuju untuk memberi elaun tambahan sebanyak 20% daripada pencen penuh pesara-pesara itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini sesiapa bekas kakitangan Kerajaan yang dapat pencen di bawah \$300 sebulan sekarang ini boleh hidup dalam masyarakat kita, kerana harga-harga barang sudah naik semenjak tahun 1971. Tetapi 20% yang ditambah itu adalah elaun bukan bayaran pencen. Kerajaan hendaklah menimbangkan kepada bekas kakitangan Kerajaan yang mendapat pencen di bawah \$300 sebulan.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya jawab tadi bahawa bagi membantu mereka yang telah bersara di bawah Sekim Perkhidmatan Tanggagaji Suffian dan Aziz dan memandangkan oleh kerana mereka ini menghadapi kerumitan, maka Kerajaan telah bersetuju untuk memberi elaun tambahan sebanyak 20% daripada pencen penuh pesara-pesara itu dan saya fikir ini adalah memadai dan mencukupi.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menambah 20% elaun untuk pesara-pesara yang terdiri daripada bekas kakitangan Kerajaan yang telah banyak berkorban dan membuat sumbangan kepada negara. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyedari bahawa pesara-pesara ini mengadu bahawa apa yang mereka terima hari ini masih tidak mencukupi untuk membolehkan mereka itu hidup dengan sederhana dan dibebaskan daripada segala masalah khususnya dari segi ekonomi.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dikatakan cukup atau tidak menerima pencen atau terima gaji, memanglah susah. Kalau hendak pandang dari segi cukup, susahlah kita hendak memikirkannya. Tetapi walau bagaimana pun Kerajaan telah menunjukkan bahawa Kerajaan sedar atas masalah mereka dan itulah sebabnya, seperti saya katakan tadi, kita telah menambahkan 20% elaun tambahan kepada pesara-pesara yang mengalami masalah ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tak silap, pertambahan 20% ini ialah untuk kategori pesara-pesara yang baru

menikmati kadar 1/800 itu boleh dapat setanding dengan kategori pesara-pesara yang menikmati kadar di bawah Laporan Kabinet baru-baru ini. Bolehkah Yang Berhormat itu memberitahu Dewan ini sama ada tambahan 20% ini membawa kategori pesara-pesara ini setaraf dengan pesara-pesara di bawah Laporan Kabinet?

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi bukanlah hanya kepada mereka yang telah bersara dan menerima pencen mengikut kadar 1/800 sahaja, tetapi juga kepada mereka yang telah berpencen atau pesara terdahulu daripadanya dengan kadar faktor 1/600. Ini adalah cara bagaimana kita hendak menambah sedikit sebanyak pesaraan yang diterima oleh pesara-pesara yang telah pencen terawal daripada mereka yang bersara pada masa sekarang ini.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini 20% itu kepada seorang pesara boleh menerima \$50. Jadi 20% itu barangkali dia dapat tambahan \$10. Saya minta Yang Berhormat beritahu Dewan ini satu keterangan macam mana ukuran minima pencen bagi seseorang pesara kalau mahu hidup dalam masyarakat kita dengan sewajarnya. Saya fikir bahawa pencen \$300 sebulan tidaklah mencukupi untuk sara hidup, adakah Kerajaan mahu memikirkan ataupun mahu jawab sekarang macam mana Kerajaan mahu bawa satu Akta baru mengenai pencen di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua: Itu di luar daripada soalan asal, tak perlu dijawab.

LATIHAN PERGURUAN DI MAKTAB-MAKTAB

4. **Tuan Lee Boon Peng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan guru-guru pelatih di kolej-kolej atau instituit-instituit latihan perguruan dan angka pecahan mengikut kaum.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, jumlah bilangan guru-guru pelatih di maktab perguruan tahun

1978 ialah 11,828 orang. Angka pecahan mengikut kaum adalah:

<i>Kaum</i>	<i>Bilangan guru pelatih</i>
Melayu 8,685 orang
China 2,594 orang
India 528 orang
Lain-lain 21 orang

MARA

5. **Tuan Chan Teck Chan** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- pada 31-12-1977 berapa juta ringgit MARA telah rugi;
- sebab-sebab kerugian ini; dan
- apakah langkah yang akan diambil untuk mencegah kerugian pada masa hadapan.

Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu suka saya menegaskan untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa MARA ditubuhkan bertujuan untuk memperkukuhkan lagi usaha pembangunan sosio-ekonomi bagi mengujudkan lebih ramai lagi usahawan-usahawan Bumiputra terutama sekali di dalam perusahaan kecil dan sederhana di samping, melahir dan menambah tenaga terlatih.

Dukacita soalan Yang Berhormat itu tidak berapa tepat. Walau bagaimanapun untuk menjawab soalan (a) di dalam perbelanjaan mengurus MARA tidak mengalami apa-apa kerugian. Dengan itu dukacita soalan (b) dan (c) tidak berbangkit.

SIVIK KEPADA KANAK-KANAK SEKOLAH

6. **Puan Chow Poh Kheng** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah dijalankan dan cadangan-cadangan yang hendak dikemukakan untuk mewujudkan semangat kebangsaan (patriotism) dan semangat sivik kepada kanak-kanak sekolah yang terdiri daripada berbilang kaum supaya dapat membentuk satu masyarakat baru Malaysia yang berdisiplin dan dedikasi.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, Kementerian saya memandang berat tentang perkara mewujudkan semangat kebangsaan dan semangat sivik di kalangan kanak-kanak sekolah yang terdiri dari berbilang kaum. Perkara ini diberi perhatian berat kerana semangat kebangsaan dan semangat sivik boleh membentuk satu masyarakat baru Malaysia yang berdisiplin dan dedikasi. Untuk mencapai ke arah ini satu langkah yang telah diambil oleh Kementerian saya ialah melalui Pendidikan Sivik di sekolah-sekolah.

Langkah-langkah yang telah diambil supaya tercapai matlamat ini ialah:

(1) *Kurikulum*

Kurikulum Pendidikan Sivik yang digunakan di sekolah-sekolah ketika ini ialah kurikulum yang baru yang telah dirangka semula supaya bersesuaian dengan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Kurikulum yang digunakan kini adalah selaras dengan cita-cita negara dan selari dengan prinsip-prinsip yang termaktub dalam Rukunegara.

Di peringkat Rendah lagi sudahpun ditekankan:

- (a) Menghormati dan mematuhi peraturan dan undang-undang;
- (b) Memperkembang perasaan tanggungjawab;
- (c) Hidup bersama sebagai rakyat Malaysia;
- (d) Memahami lagu kebangsaan, tata kebangsaan dan memahami Ketua Negara dan ketua-ketua negeri.

Apabila murid-murid itu melangkah ke sekolah menengah, mereka disediakan supaya dapat hidup dan menyesuaikan diri dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Kurikulum yang disusun untuk Sekolah Menengah Rendah secocok dengan tujuan ini. Ia memberatkan tentang perhubungan murid itu dengan keluarga, sekolah, rakan sebaya, tetangga dan masyarakat umum. Di Tingkatan Dua mereka diajar memahami diri dan etno-budaya lain. Dengan cara ini kanak-kanak dapat memahami cara hidup dan kebudayaan kaum-kaum lain di Malaysia. Dengan ini mereka diasuh supaya dapat menyesuaikan diri dengan kaum-kaum lain.

Sebelum murid-murid itu meninggalkan bangku sekolah di peringkat menengah, mereka disediakan supaya dapat hidup dalam masyarakat Malaysia yang terdiri dari berbagai latar belakang, ugama dan cara hidup. Dalam kurikulum menengah atas ditekankan tentang bagaimana individu itu berorantasi di dalam masyarakat kita yang berbilang kaum. Di samping itu kurikulum menengah atas juga menekankan tentang masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, cita-cita unggul masyarakat Malaysia dan peranan institusi-institusi dalam masyarakat. Dengan ini murid-murid lebih mengenali dan memahami masyarakat negaranya sendiri.

(2) *Sekolah*

Pendidikan Sivik ialah satu matapelajaran yang diwajibkan di sekolah-sekolah di seluruh negara. Untuk menjamin supaya pembelajaran dan pengajaran sivik dijalankan dengan lebih berkesan lagi guru-guru sivik sekolah menengah diberi kursus dalam perkhidmatan selama satu minggu pada cuti penggal persekolahan tahun 1977. Dengan adanya kursus ini guru-guru dapat memahami lebih mendalam lagi tentang kurikulum Pendidikan Sivik yang baru dan seterusnya menjadikan pengajaran dan pembelajaran sivik itu lebih berkesan lagi.

Langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Pelajaran ialah penyediaan buku sumber sivik untuk Menengah Atas. Adalah diharapkan Buku Sumber yang sedang dan akan diusahakan ini dapat memberikan panduan kepada guru-guru dalam pengajaran Pendidikan Sivik ini.

Tuan Bujang bin Haji Ullis: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa setakat ini sistem pelajaran kita adalah menitikberatkan soal peperiksaan dan sivik adalah satu matapelajaran yang bukan bersifat peperiksaan (not examinable subject). Jadi masalahnya ialah ada di kalangan guru-guru di sekolah yang menggunakan masa sivik untuk mengajar matapelajaran lain. Jadi soalan saya adakah beliau sedar hakikat ini dan apakah langkah-langkah pihak Kementerian untuk menjadikan sivik ini satu matapelajaran peperiksaan dan matapelajaran yang penting di negara kita ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, perkara ini seperti dalam jawapan saya, sebenarnya langkah-langkah tertentu sudah kita ambil. Jadi jelas dan termaklumlah betapa berat perhatian kita berikan kepada pembelajaran dan pengajaran sivik kepada murid-murid kita. Berkenaan soal untuk mewajibkannya supaya ini akan dijadikan matapelajaran peperiksaan yang wajib, kita boleh timbangkan.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri Pelajaran sedar, langkah-langkah yang dicadangkan atau yang sudah diambil oleh Kementerian Pelajaran telah gagal. Oleh sebab lebih

Tuan Yang di-Pertua: Soal tambahannya apa?

Tuan Lee Kaw: Oleh sebab lebih ramai murid-murid sekolah hari ini telah menghisap dadah dan dicampuri pula oleh kongsi gelap, adakah Timbalan Menteri Pelajaran akan review langkah-langkah yang telah diambil dan membuat satu survey untuk mengetahui mengapa langkah-langkah yang telah diambil itu gagal.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak Suruhanjaya atau tidak?

Tuan Lee Kaw: Tidak.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan gagal, ini tidak dapat diterima. Soal memberikan pelajaran sivik tentulah tanggungjawab Kementerian Pelajaran dan juga Kerajaan, tetapi kita berharap juga selain daripada kita beri melalui sekolah-sekolah dan melalui usaha-usaha Kerajaan, kita berharap sikap-sikap ibubapa sekalian mestilah berubah sesuai dengan keadaan negara kita. Oleh kerana pada masa ini kita masih ada dengar di luar, sebahagian mengatakan bila jumpa sahabat iaitu kaum lain masih gunakan "kwei" juga. Perkataan "kwei" ini tidak berapa sesuai oleh kerana jika seorang yang menggunakan perkataan "kwei" kepada lain-lain kaum, itu tidak sesuai untuk masyarakat kita. Kita mestilah hormat menghormati antara satu kaum dengan kaum yang lain dan saya ingat inilah satu cara yang mustahak.

Berkenaan dengan dadah dan sebagainya, ini adalah soal sosial dan ini saya ingat tentulah ada pihak-pihak yang lain yang bertanggungjawab. Bagi pihak Kementerian Pelajaran di dalam sekolah kita telah sedaya upaya mengambil langkah-langkah untuk memberikan pelajaran sivik supaya murid-murid kita sebelum meninggalkan bangku sekolah tentu dapat dijadikan seorang yang cukup memahami tanggungjawab mereka terhadap negara.

Tuan Chan Teck Chan: Sungguhpun pendidikan sivik telah dicadang dan diadakan di sekolah di peringkat rendah, menengah dan menengah atas, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah kemajuan-kemajuan yang telah dicapai dari pendidikan sivik ini di mana rakyat dan anak-anak kita telah meletakkan kepentingan negara daripada kepentingan kaumnya, sama ada dari segi tindakan, pemikiran dan kehidupan mereka.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, kemajuan setakat hari ini sangat memuaskan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Pelajaran sivik ini sangat berguna kepada sekolah-sekolah. Adakah Timbalan Menteri Pelajaran mengetahui penyalahgunaan masa oleh guru-guru yang menyebabkan anasir komunis boleh menyerap dan menghasut murid-murid yang mana terdapat murid-murid yang terlibat dengan anti-national di negara ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, perkara ini kita ambil perhatian yang berat.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan sekolah-sekolah rendah yang ujud hari ini dan memandangkan keadaan murid-murid yang terdapat di sekolah rendah kita pada hari ini dan di samping terdapat mata-mata pelajaran yang diajar ke arah perpaduan kebangsaan ini, adakah pihak Kementerian Pelajaran mengadakan usaha-usaha dari segi praktikal supaya anak-anak kita di sekolah rendah ini dapat lebih banyak lagi peluang bercampur gaul antara satu sama lain supaya sekatan-sekatan kaum ini dapat di atasi mulai di peringkat sekolah rendah lagi.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, memang ada langkah-langkah diambil untuk mengintegrasikan murid-murid di peringkat sekolah rendah seperti aktiviti luar bilik darjah, extra mural curriculum dan sebagainya, kita ada. Tetapi tentulah dari segi tenaga mengajar dan sebagainya kita kena timbang juga. Walau bagaimanapun, kita masa sekarang memberikan perhatian supaya langkah-langkah dapat diambil khasnya di peringkat rendah seperti murid-murid kita dari berbagai kaum boleh dapat diimplementasikan.

KECEMARAN AIR SUNGAI

7. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan positif yang dilaksanakan untuk menghindari pencemaran air sungai yang dahulunya dapat digunakan oleh penduduk-penduduk di tebingnya untuk membasuh dan minum.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, soalan seperti ini telahpun dijawab apabila saya menjawab soalan ke 18 yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah pada 20-11-78 dan saya tidaklah ingin menambah apa-apa.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada soalan tambahan, sebab soalan ini telah dijawab dan mengikut Peraturan Mesyuarat perkara yang sudah dibahas dan dibangkitkan dalam Dewan ini tidak boleh dibincangkan lagi melainkan Yang Berhormat Menteri ada menambah.

PADANG PERMAINAN BAGI BELIA-BELIA

8. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa belia-belie di kawasan bandar dan luar bandar memerlukan padang permainan bagi kegiatan-kegiatan sukan dan olahraga dan sama ada Kementerian bercadang mengadakan kemudahan-kemudahan demikian terutama sekali bagi pekan-pekan kecil kerana kemudahan seperti ini tidak diadakan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa kemudahan padang-padang permainan di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar untuk belia-belie menjalankan kegiatan-kegiatan sukan didapati kurang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanggungjawab bagi mengadakan padang-padang permainan di tempat-tempat dan kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah terserah kepada pihak yang berkuasa tempatan menimbangkannya, sewaktu merancang projek-projek pembangunan di dalam kawasan masing-masing.

Antara tugas-tugas Kementerian saya adalah untuk berhubung dengan Kerajaan-kerajaan untuk membuat peruntukan bagi kemudahan-kemudahan tersebut. Ini adalah kerana tanah adalah hal negeri dan hanya Kerajaan Negeri sahaja yang mempunyai kuasa untuk menentukan kegunaan tanah.

PERSATUAN-PERSATUAN BELIA

9. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak persatuan-persatuan belia telah ditubuhkan sekarang di luar bandar dan di dalam bandar dan mereka ini memerlukan bimbingan dari pegawai-pegawai Kementerian sendiri kekurangan pegawai, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa memang banyak persatuan-persatuan belia telah ditubuhkan di luar bandar dan di dalam bandar di seluruh negara dan sedar di atas kekurangan pegawai-pegawai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian saya telahpun diuntukkan sekarang dengan tambahan seramai 49 orang pegawai lagi yang akan diletakkan di daerah-daerah yang dahulunya tidak ada mempunyai pegawai.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa pada hari ini pegawai-pegawai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini kekurangan di daerah-daerah, adakah pihak Kementerian

yang berkenaan bercadang untuk membekalkan bagi tiap-tiap daerah seorang Pegawai Kebudayaan, seorang Pegawai Belia, dan seorang Pegawai Sukan.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini Kementerian saya akan timbangkan.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di dalam pertumbuhan persatuan-persatuan belia di negara kita ini dengan pesatnya yang terdapat persatuan belia daripada kaum bumiputra sahaja dan banyak kaum-kaum bukan bumiputra tidak begitu minat dalam persatuan-persatuan belia. Jadi soalan saya, apakah langkah pihak Kementerian untuk menyedar kaum bukan bumiputra supaya aktif dalam persatuan-persatuan belia.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu sedang diusahakan sekarang.

JALAN-JALAN TIDAK BERTAR

10. Tuan Haji Ampong bin Haji Puyon minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) mengapa jalan-jalan yang menyambungkan satu daerah dengan daerah yang lain di Sabah tidak dibubuh tar;
- (b) apakah tindakan yang akan diambil untuk menabur tar di jalan-jalan ini dalam masa yang singkat bagi faedah penduduk di sana.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat itu, adalah tidak benar jalan-jalan yang menyambungkan satu daerah dengan daerah yang lain di Sabah tidak dibubuh tar. Sebenarnya tindakan telah dan sedang diambil untuk membubuh tar kepada jalan-jalanraya itu tetapi memandangkan banyak dan panjangnya jalan-jalanraya itu, pekerjaan ini terpaksa mengambil masa. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sepanjang 225 batu jalanraya telahpun dibubuh tar di bawah

Rancangan Malaysia Kedua dan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sepanjang 565 batu lagi akan dibubuh tar. Mengenai soalan (b) jawapan yang diberi bagi soalan (a) tadi menunjukkan bahawa Kerajaan telah dan sedang mengambil tindakan untuk membubuh tar pada jalan-jalan berkenaan.

PARTI POLITIK MENGGUNAKAN NAMA UGAMA

11. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar tentang penggunaan nama agama sebagai nama parti politik atau pertubuhan siasah boleh merosakkan akidah dan kepercayaan orang-orang beragama, yang lebih buruk lagi ialah perpecahan di dalam masyarakat itu sendiri; dan
- (b) tidakkah beliau berhajat mengharamkan penggunaan nama agama seperti perkataan "Islam", "Hindu", "Buddha" dan sebagainya, bagi nama sebuah parti politik, yang boleh mengelirukan anggapan orang-orang beragama itu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, penggunaan nama agama bagi parti-parti politik tidaklah ada sangkut-pautnya dengan merosakkan akidah dan kepercayaan orang-orang yang beragama atau membawa perpecahan di dalam sebuah masyarakat, kerana ujudnya perpecahan di dalam masyarakat itu adalah berpunca dari adanya fahaman yang sempit setengah-setengah ahli politik yang berkenaan.

Berdasar kepada keterangan saya di atas, maka soalan (b) tidakkah timbul.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa ekoran daripada penggunaan nama agama sebagai nama parti politik hingga sekarang masih kedapatan lagi di luar-luar bandar yang ketua-ketua atau pemimpin-pemimpin parti politik

yang tidak bertanggungjawab ini mengeluarkan hukum-hukum dan juga fatwa-fatwa dan mempergunakan agama untuk mendapat sokongan terhadap partinya. Sekiranya sedar, apakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang atau boleh mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab itu demi untuk menjaga keselamatan, perpaduan dan juga kesucian agama.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar perkara-perkara yang seumpama ini biasa berlaku di tempat-tempat yang berkenaan dan saya rasa terpulanglah kepada para pemimpin-pemimpin yang berkenaan dan yang lain juga bagi mengatasi fahaman-fahaman sempit seumpama ini dengan memberi penerangan-penerangan yang seluas-luasnya dan sebaik-baiknya dan penerangan-penerangan yang jelas berhubung dengan akidah dan juga berhubung dengan agama.

RANCANGAN TV DALAM BAHASA TAMIL/CHINA

12. Tuan P. Patto minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa ramai penonton-penonton TV Malaysia keturunan India dan China tidak berpuashati dengan masa yang telah diperuntukkan bagi rancangan-rancangan TV dalam bahasa Tamil dan China, jika ya, bolehkah beliau menambahkan masa untuk rancangan-rancangan dalam bahasa China dan Tamil setiap hari;
- (b) sama ada pengurangan masa dan penukaran rancangan-rancangan dalam bahasa China dan Tamil telah diper-setujui oleh pihak MCA dan MIC terlebih dahulu; dan
- (c) bolehkah Kerajaan menimbang menambahkan rancangan-rancangan yang mencerminkan kebudayaan semua kaum di Malaysia sebagai satu tanda bahawa kebudayaan Malaysia mengandungi ciri-ciri semua kebudayaan yang ada di Malaysia.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr. Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, soalan (a)

ini telah dijawab di Dewan yang mulia ini pada 19hb Oktober, 25hb Oktober dan 7hb November tahun ini.

Jawapan kepada soalan (b), sebenarnya tidak ada pengurangan dan penukaran masa tentang rancangan-rancangan dalam bahasa China dan Bahasa Tamil malahan masa yang dipertunjukkan ke bahasa-bahasa ini dari segi rancangan hiburan telah ditambah. Jika ada sebarang perubahan adalah ditetapkan oleh Kementerian saya tanpa dipengaruhi oleh mana-mna pihak termasuk pihak-pihak yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Sesuatu perubahan andainya dilakukan kepada rancangan-rancangan TV adalah berasaskan kepada hasil penyelidikan yang dilaksanakan secara saintifik seperti Ratings Survey dengan kerjasama SRM (Survey Research Malaysia), Opinion Survey yang dilaksanakan menerusi Jabatan Penerangan, Penal Survey yang dijalankan melalui Perkhidmatan Pos dan mendapatkan kerjasama daripada lain-lain jabatan seperti Jabatan Perangkaan bagi memperoleh maklumat-maklumat yang berfaedah kepada Kementerian saya dalam menyusun rancangan-rancangannya dari masa ke semasa.

Jawapan kepada soal (c), Rancangan-rancangan TV yang diterbitkan oleh TV Malaysia sendiri adalah disusun bagi mencerminkan kebudayaan rakyat Malaysia dan dilakukan dalam gagasan membentuk kebudayaan yang berteraskan kebudayaan rakyat di rantau ini. Rancangan-rancangan tempatan seperti itu adalah ditambah secara berperingkat-peringkat menurut kemampuan RTM dan juga kepakaran dan tenaga yang ada di kalangan artis-artis tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar Kementerian saya sekarang ini mengenai rancangan-rancangan terbitan tempatan ialah menggunakan artis-artis tempatan yang sesuai dari semua kaum bagi menggambarkan kebudayaan rakyat Malaysia berbilang kaum.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada beberapa kali dengan publicity besar rombongan-rombongan Pemuda MCA yang diketuai oleh seorang Menteri ataupun Timbalan Menteri pergi berjumpa dengan Menteri Penerangan untuk

meminta penukaran rancangan-rancangan dalam bahasa China, dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini hasil (result) daripada perjumpaan itu?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, itu benar ada rombongan-rombongan daripada Pemuda MCA yang telah berjumpa dengan Menteri Penerangan dan juga saya dan kesemuanya permintaan itu sedang dalam kajian, dan keputusan terakhir belum dibuat.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan, apakah yang dimaksudkan sebagai tambahan masa, kerana kalau saya tidak salah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa masa yang diperuntukkan bagi rancangan-rancangan dalam bahasa China dan Tamil telahpun bertambah, bolehkah beliau memberi angka-angka untuk membuktikan penambahan itu?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1963 apabila TV Malaysia bermula, kita hanya ada satu saluran sahaja, iaitu terhad siarannya daripada pukul 6.00 petang sampai 10.00 malam sahaja. Dalam masa itu tidak ada apa-apa filem cerita walaupun di dalam bahasa China atau bahasa Tamil.

Dalam tahun 1969, dua saluran telah ujud dan masa ini diadakan satu filem Hindi tiap-tiap minggu dan satu filem China tiap-tiap minggu diadakan.

Pada tahun 1974, kita telah menambah filem-filem seperti itu kepada 1½ filem cerita Tamil untuk satu minggu, dan 1½ filem cerita China. Itulah bukti tambahan masa siaran.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bersabit dari soalan (a), saya ingin tahu daripada pihak Kementerian Penerangan setakat ini adakah pihak RTM menerima apa-apa teguran daripada masyarakat India dan China bagaimana tuduhan yang dibuat oleh wakil DAP tadi atau ini semata-mata tuduhan atau menjadi dasar DAP untuk menimbulkan satu issue untuk mendapatkan publisiti murah dalam Dewan ini?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, ada surat-surat yang kita terima tuduhan seperti DAP buat itu, tetapi kebanyakan surat-surat itu tidak ada nama dan barangkali datang daripada DAP (*Ketawa*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sebagaimana maklum bahawa negeri ini ialah negeri Malaysia, Bahasa Kebangsaan ialah berasal daripada bahasa Melayu dan kebudayaannya adalah berteraskan kebudayaan Melayu. Jika sekiranya amalan siaran TV itu berlaku di sini buat selama-lamanya, adakah TV negeri India menunjukkan saluran menggunakan bahasa Melayu dan menunjukkan kebudayaan Melayu?

Tuan Yang di-Pertua: Itu luar daripada soalan asal.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri itu, apakah beliau bersedia mengorbankan kepentingan negara ini dalam jangka panjang untuk perpaduan negara dan rakyat dengan memenuhi akan permintaan-permintaan memperbanyakkan rancangan-rancangan dalam bahasa China atau bahasa India yang boleh.....

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa India ini apa? Bahasa India ini banyak - 300 lebih!

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Bahasa Tamil, melebihi daripada Bahasa Kebangsaan yang kita terima untuk perpaduan negara.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, soalan seperti ini telah dijelaskan dalam Dewan ini.

Tuan P. Patto: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan sama ada penambahan masa bagi rancangan-rancangan dalam bahasa China dan Tamil sepertimana dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah "percentage wise" setaraf dengan penambahan masa untuk semua rancangan dalam televisyen sepertimana Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri kata bahawa pada tahun 1963 hanya ada satu saluran, sekarang sudah ada dua. Jadi ertinya sudah ada tambahan masa. Apakah penambahan masa bagi rancangan-rancangan

dalam bahasa China dan Tamil adalah "percentage wise" menambah dari tahun 1963?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebutkan tambahan dari segi hiburan. Pada dasarnya TV Malaysia akan menggunakan dan siarkan rancangan-rancangan menggunakan Bahasa Malaysia untuk mencapai cita-cita negara dan oleh kerana Bahasa Malaysia ialah bahasa rasmi. Walau bagaimanapun rancangan-rancangan pada masa ini adalah dibuat dalam bahasa-bahasa lain yang tertentu untuk berhubung dengan golongan-golongan rakyat yang belum fasih dalam Bahasa Malaysia. Inilah dasarnya dan pada ketika ini ada lain-lain rancangan seperti Berita di dalam semua keempat-empat bahasa yang digunakan di negara ini dan juga kita ada lain-lain program untuk menyampaikan saranan-saranan tertentu kepada golongan-golongan yang tertentu sebagai melalui Fokas dalam Bahasa Malaysia; Scope dalam bahasa Inggeris; Lembaran Minggu dalam bahasa Mandarin dan juga Tumpuan Minggu dalam bahasa Tamil.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Soalan tambahan, negara kita ini sebenarnya mempunyai banyak kebudayaan dan sebagaimana yang telah dan pernah saya ikuti semasa saya di Semenanjung ini sedikit sangat kebudayaan-kebudayaan dari Sabah dan Sarawak yang diperkenalkan kepada penduduk-penduduk Semenanjung sedangkan kami di Sarawak memang didedahkan dengan banyak kebudayaan dari sini. Jadi apakah langkah untuk memperhebatkan pendedahan ini?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar di atas kekurangan bahan-bahan dari kebudayaan yang ada di Sabah dan Sarawak di dalam siaran TV Malaysia dan usaha sedang dijalankan untuk mendapat lebih bahan-bahan dari segi itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Dalam konteks membanyakkan program-program yang mencerminkan kebudayaan semua kaum di Malaysia ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa lagu-lagu Melayu sudah terlalu lama diresapi oleh pengaruh dan unsur-unsur lagu Hindustan dan kita dengar lagu-lagu seperti ini dalam radio dan talivisyen

hampir setiap hari. Adakah dalam penentuan memberi masa antara kaum tadi, perkara ini diambil hitung, pengaruh unsur-unsur Hindustan dalam lagu-lagu Melayu itu diambil kira sebagai suatu usaha mencerminkan kebudayaan berbilang kaum di negeri ini?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, ini saya tidak berapa faham, begitu panjang sangat dan banyak unsur-unsur yang saya tidak boleh dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ringkaskan soalan itu!

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya kata tadi, Tuan Yang di-Pertua, lagu-lagu Melayu banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur Hindustan dan kita tahu Hindustan itu ialah kebudayaan orang-orang India. Jadi adakah pengaruh lagu Hindustan di dalam lagu-lagu Melayu itu diambil kira sebagai suatu usaha mencerminkan kebudayaan berbagai kaum di negeri ini bila pihak RTM menyiarkan lagu-lagu Melayu?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, kita hanya mensifatkan satu lagu sebagai lagu Melayu atau lagu Hindustan. Lagu yang bercampur-campur ini, saya tidak pernah dengar, tetapi jika ada, tunjukkan kepada kita.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa rancangan-rancangan talivisyen dalam Bahasa Malaysia ialah untuk mencapai cita-cita negara dan ada rancangan di lain-lain bahasa, bahasa China dan Tamil untuk berhubung dengan mereka yang tidak fasih atau faham dalam Bahasa Malaysia. Adakah ini bererti bahawa dalam pandangan Kementerian Penerangan atau pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahasa Tamil dan bahasa China tidak digunakan dan tidak boleh digunakan sebagai satu medium untuk mencapai cita-cita negara semacam memupuk perasaan kecintaan kepada negara untuk mereka melalui bahasa China dan bahasa Tamil?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, bahasa China dan bahasa Tamil sedang digunakan untuk memupuk semangat tanggungjawab dan untuk memberitahu kepada golongan-golongan yang tertentu di

atas peranan yang mereka kena memainkan untuk mencapai cita-cita negara dan oleh kerana itu dan oleh kerana ada golongan-golongan yang belum fasih dalam Bahasa Malaysia, kita terpaksa berhubung dengan mereka melalui bahasa-bahasa lain yang tertentu.

Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Soalan tambahan. Oleh sebab soal masa yang lebih dan kurang bagi sesuatu rancangan itu merupakan soalan yang relatif dan juga baik dan buruknya rancangan-rancangan yang dijalankan oleh TV dan Radio Malaysia itu juga soalan yang relatif, maka adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan satu badan bebas dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan untuk menganjurkan satu opinion poll ataupun satu survey berkenaan pendapat-pendapat rakyat negara ini untuk menentukan keadaan yang sebenar dan seterusnya menerima perakuan-perakuan daripada badan-badan ini untuk memperbaiki rancangan-rancangan TV dan Radio Malaysia pada masa yang akan datang.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jawab tadi, kita ada beberapa cara untuk mendapatkan tinjauan-tinjauan. Bukan sahaja hanya untuk memberitahu kita kehendak-kehendak rakyat kita tetapi juga memberitahu kepada kita apa orang ramai fikirkan mutu persembahan-persembahan yang dirancangan oleh RTM.

Tuan Hussein bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan bahawa kita telah menerima satu dasar kebudayaan nasional, sekurang-kurangnya diterima oleh pihak Kerajaan walaupun tidak oleh pihak lain dan memandangkan bahawa daripada Dasar Kebudayaan Nasional ini ada tempat-tempatnya yang tertentu bagi unsur-unsur kebudayaan lain dan memandangkan juga bahawa Bahasa Malaysia adalah bahasa Rasmi dan kedudukan bahasa-bahasa lain juga terjamin di sisi perlembagaan di tempat-tempat yang tertentu. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan adakah pihak Kementerian beliau berpuas hati dengan rancangan-rancangan yang disiarkan oleh TV Malaysia pada hari ini mengikut lunas-lunas seperti yang disebutkan.

Dr Ling Liong Sik: Ada.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai jawapan bahawa Bahasa Tamil dan bahasa Cina digunakan oleh kerana ada golongan-golongan yang tertentu yang tidak fasih dan tidak faham dalam Bahasa Malaysia. Adakah ini bererti dan fasih dalam Bahasa Malaysia bahawa apabila lebih banyak orang dalam golongan keturunan Cina atau keturunan Tamil faham dan fasih dalam bahasa Malaysia bahawa rancangan-rancangan dalam bahasa Tamil atau bahasa Cina akan dikurangkan sehingga apabila boleh dikatakan semua yang fasih dalam Bahasa Malaysia daripada golongan orang Cina dan golongan orang Tamil, rancangan dalam bahasa Tamil dan bahasa Cina melalui Radio dan TV Malaysia akan ditamatkan ataupun akan dihentikan. Adakah ini dasar Kerajaan?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sampai ke jambatan, kita menyeberang.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan sedar bahawa Bahasa Malaysia ialah bahasa rasmi negara dan bahasa-bahasa lain menjadi satu bahasa bagi satu-satu unit kaum di negara ini. Kalau sedar, tidakkah baik satu saluran dari siaran TV Malaysia 100% menggunakan Bahasa Malaysia dan satu saluran yang lain diagih-agih kepada beberapa peratus kepada tiap-tiap bahasa yang ada di dalam negara ini termasuklah bahasa Iban dan lain-lain lagi.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, boleh ditimbangkan.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu adakah bahasa Cina dan bahasa Tamil boleh menjadi alat kepada perpaduan negara ini di kalangan penduduk-penduduk berbilang kaum, orang-orang Melayu, kaum bumiputra daripada Sarawak dan Sabah, orang-orang keturunan Cina dan orang-orang keturunan India dengan menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil.

Tuan Yang di-Pertua: Meminta fikiran seperti itu tidak diizinkan oleh Peraturan-peraturan Mesyuarat.

Tuan P. Patto: Tuan speaker, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menafikan bahawa memang sudah menjadi dasar Kerajaan untuk pada akhirnya menamatkan segala rancangan-rancangan dalam bahasa Cina dan bahasa Tamil melalui radio dan TV Malaysia apabila Kementerian menganggap bahawa semua rakyat Malaysia keturunan Cina dan India fasih dalam Bahasa Malaysia. Kami terperanjat dengan pengumuman itu. Bolehkah beliau mengesahkan bahawa inilah pendirian Kerajaan?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi.

Tuan Chan Teck Chan: Tidak dengar!

Tuan P. Patto: Apa itu, ini "mumbling"!

Tuan Chan Teck Chan: Kami tidak puas hati.

Tuan P. Patto: Kami tidak dengar, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Nantilah!

Tuan P. Patto: Tidak berani barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak bercakap dengan terang.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan tuduh orang tidak berani! (*Ketawa*).

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, bukan saya marah kepada Tuan Speaker, tetapi Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan saya marah, jangan tuduh orang lain tidak berani sebelum dicuba.

Tuan P. Patto: Bukan begitu, Tuan Speaker. Tidak dengar!

Tuan Yang di-Pertua: Dia memang lemah lembut. Yang Berhormat Timbalan Menteri ini suaranya memang lunak dan lembut. Cuba ulang lagi sekali jawapannya. Kuatkan sedikit.

Dr Ling Liong Sik: Di atas dasar yang kita ikut sekarang, saya sudah terangkan dan atas kebijaksanaan Kerajaan Barisan Nasional, inilah dasarnya pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kemudian baca *Hansard*. Kalau hendak kuat macam suara Ahli Yang Berhormat dari Menglembu, mana boleh sama (*Ketawa*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sedia maklum dan kita sebagai rakyat hendaklah sedar bahawa Bahasa Malaysia ialah bahasa rasmi negara ini, dan penggunaan bahasa Cina dan bahasa Tamil itu adalah sebagai tolak ansur Kerajaan negeri ini kepada mereka sebagai satu kaum yang ada di dalam negeri ini. Oleh itu adakah Timbalan Menteri bercadang untuk mengurangkan penggunaan bahasa-bahasa ini di dalam TV dan menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya ataupun sebanyak-banyak yang boleh supaya Ahli-ahli Dewan terutamanya Ahli-ahli Pembangkang yang kurang fasih Bahasa Kebangsaan itu memahami Bahasa Malaysia itu sepenuhnya dan memaksa dirinya memahami siaran TV di dalam Bahasa Malaysia itu.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jawab, pembahagian masa siaran untuk beberapa bahasa-bahasa oleh Kementerian saya pada ketika ini dianggap wajar dan tidak ada cadangan lain pada masa ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dasar Kerajaan adalah silap dan bertentangan dengan hasrat semua rakyat. Oleh kerana penggunaan bahasa Cina dan bahasa Tamil dalam Radio dan TV bukan oleh kerana untuk golongan-golongan tertentu yang tidak faham serta fasih di dalam Bahasa Malaysia sahaja tetapi pun untuk mencerminkan berbagai masyarakat, berbagai kaum dalam negara kita dan di mana sama ada semua orang fasih dalam Bahasa Malaysia atau tidak, adalah menjadi tanggungjawab radio dan TV sebagai sebaran am mesti mencerminkan multi-racial character serta mesti terus mengadakan rancangan-rancangan di dalam berbagai bahasa.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini merupakan perbahasan dan tidak dibenarkan di bawah Peraturan Mesyuarat 24 (4).

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan sedar bahawa 21 tahun negara merdeka, Bahasa Malaysia telah diajar di semua sekolah-sekolah dalam negara ini, bererti jenerasi yang ada pada hari ini telah berumur 21 tahun telah memahami Bahasa Malaysia. Tinggallah lagi yang telah dewasa yang lebih daripada saya ini umurnya, yang kurang faham. Oleh sebab itu dari masa ke semasa perkembangan penggunaan Bahasa Malaysia ini 100% akan diterima oleh rakyat yang taat setia kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ini juga merupakan satu pertanyaan buah fikiran. Juga tidak dibenarkan oleh peraturan Mesyuarat.

Baik, tidak ada apa-apa lagi. Selesai.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bertanya juga lagi, macam ini punya lama.

Tuan P. Patto: Sedikit sahaja, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah (*Ketawa*).

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan sepertimana yang dituntut oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh bahawa rancangan-rancangan di dalam bahasa Cina dan bahasa India melalui TV dan Radio adalah kerana pihak Kerajaan bertolak ansur dan bukan kerana hak satu-satu golongan di dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Hak itu untuk mengamalkan, bukan rasmi. Ya, tetapi kalau benda yang berlawanan dengan Perlembagaan, saya boleh tegur. Sila.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah nyatakan di atas kebijaksanaan Kerajaan kita, apa yang sedang diamalkan, diamalkan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya

kepada Timbalan Menteri Penerangan, adakah beliau sedar bahawa sebahagian besar rakyat negara ini adalah berpuas hati dengan program televisyen Malaysia. Kepuasan hati mereka itu telah dilambangkan melalui beberapa kali pilihanraya diadakan di negara ini.

Dr Ling Liong Sik: Sedar.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sungguhpun kata beliau dasar penerangan Kerajaan adalah mendapat persetujuan dari pengundi-pengundi dalam pilihanraya besar beberapa kali, tetapi rakyat tidak tahu bahawa dasar penerangan Kerajaan ialah hendak menamatkan semua rancangan-rancangan dalam bahasa Tamil dan Cina dan mengapa ciri ini tidak diumumkan?

Dr Ling Liong Sik: Saya sudah jawab beberapa kali, dia sengaja hendak pusingkan (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1979

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 dan Anggaran Pembangunan, 1979 dalam Jawatankuasa sebuah Majlis (23hb November, 1979).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang saya umumkan pada petang semalam waktu Dewan ini ditangguhkan, iaitu Majlis ini akan menimbangankan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Kewangan dan di bawah Kementerian

Perusahaan Awam. Oleh sebab itu Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Kewangan untuk Maksud B. 31 hingga B. 35 dan Maksud Pembangunan P. 31, P. 34 dan P. 67 akan dibahaskan dahulu dan saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawabnya pada pukul 4.45 atau sebelum daripadanya.

Saya jemput sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri mengemukakan Anggaran Perbelanjaannya.

Maksud B. 31, B. 32, B. 33, B. 34 dan B. 35 (Jadual)—

(A) Anggaran Belanja Mengurus, 1979

(i) Maksud B. 31—Perbendaharaan	\$ 31,336,900
(ii) Maksud B. 32—Perkhidmatan Am Perbendaharaan ..	144,367,700
(iii) Maksud B. 33—Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun	662,020,000
(iv) Maksud B. 34—Kastam dan Eksais Di Raja	56,830,000
(v) Maksud B. 35—Jabatan Hasil Dalam Negeri	45,814,100
Jumlah (A) ..	\$940,368,700

(B) Anggaran Pembangunan, 1979

(i) Maksud P. 31—Perbendaharaan	\$358,396,342
(ii) Maksud P. 34—Kastam dan Eksais Di Raja	16,805,724
(iii) Maksud P. 67—Simpanan Luar Jangka	400,000,000
Jumlah (B) ..	\$775,202,066

Jumlah Besar Kementerian Kewangan (A) + (B) .. **\$1,715,570,766**

(A) Anggaran Belanja Mengurus, 1979

(i) Maksud B. 31—Perbendaharaan

Perbendaharaan memerlukan peruntukan sebanyak \$3.33 juta di bawah Maksud ini iaitu bertambah sebanyak 6.9% jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1978. Peruntukan yang diperlukan adalah untuk perkara berikut:

(a) Emolumen

Sebanyak \$23.68 juta adalah bagi bayaran gaji dan elaun. Ini

Maksud P. 31, P. 34 dan P. 67 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya membentangkan Anggaran bagi tahun 1979 di bawah Maksud-maksud B. 31 hingga B. 35, Maksud-maksud P. 31, P. 34 dan P. 67 bagi anggaran Jabatan-jabatan di bawah portfolio Kementerian Kewangan, dan saya mencadangkan supaya peruntukan yang berikut diluluskan:

menunjukkan tambahan sebanyak \$2.63 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1978 sebanyak \$21.05 juta. Tambahan ini perlu bagi membiayai perbelanjaan beberapa jawatan baru serta kenaikan gaji tahunan.

(b) Perkhidmatan dan Bekalan

Bagi perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak \$7.02 juta adalah diperlukan iaitu bertambah sebanyak \$1.15 juta dari

peruntukan tahun 1978 sebanyak \$5.87 juta.

Lebih kurang \$1.75 juta adalah untuk Perjalanan dan Pengangkutan bagi pegawai-pegawai menjalankan tugas rasmi di luar dan dalam negeri. Lebih kurang \$1.6 juta dikhaskan bagi sewaan ruang pejabat, sewaan alat-alat dan mesin pejabat. Bagi pembelian bekalan dan bahan-bahan lain untuk kegunaan pejabat, sebanyak \$0.89 juta adalah dikehendaki. Perbelanjaan yang lain di bawah Tajuk ini berjumlah \$2.74 juta adalah untuk Perhubungan, Percetakan, Utiliti, Pengangkutan Barang-barang, Penyelenggaraan dan Pembaikan serta perkhidmatan-perkhidmatan lain.

(c) **Pemilikan Harta Modal**

Peruntukan sebanyak \$636,489 adalah dikehendaki di bawah Tajuk ini. Jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1978, iaitu sebanyak \$2.36 juta, peruntukan bagi tahun 1979 adalah berkurangan sebanyak \$1.73 juta. Peruntukan ini disediakan bagi menampung pembelian alat-alat dan perkakas pejabat yang baru dan menggantikan alat-alat yang telah rosak.

(ii) *Maksud B. 32—Perkhidmatan Am Perbendaharaan*

Peruntukan yang diperlukan di bawah Maksud ini ialah sebanyak \$144.37 juta iaitu bertambah sebanyak \$11.14 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1978 sebanyak \$133.23 juta.

Di antara perbelanjaan-perbelanjaan di bawah Maksud ini, sebanyak \$37.12 juta adalah untuk Perkhidmatan Iktis dan lain-lain perkhidmatan yang dibeli yang termasuk perbelanjaan Perkhidmatan Rahsia untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan tertentu sebanyak \$36.0 juta, dan \$1.12 juta untuk aktiviti-aktiviti lain seperti

perbelanjaan Crown Agents, bayaran komisyen Jabatan Pos dan untuk kerajaan. Sebanyak \$34.40 juta adalah untuk Bayaran Pindahan seperti Pemberian untuk Jalan Raya Kepada Serbandaran dan Majlis Perbandaran sebanyak \$3.82 juta, pemberian tahunan kepada Negeri Selangor kerana kehilangan hasil dalam Wilayah Persekutuan sebanyak \$18.3 juta, Bantuan Bayaran Bunga untuk Pinjaman Perumahan di Sabah dan Sarawak sebanyak \$3.2 juta, Elaun dan Pemberian Saguhati sebanyak \$0.2 juta, pemberian sementara kepada Dewan Bandaraya sebanyak \$8.75 juta dan sebanyak \$0.13 juta untuk perkara-perkara lain. Sebanyak \$4.56 juta adalah untuk sewa rumah Kerajaan Negeri yang diduduki oleh pegawai-pegawai di Jabatan-jabatan Persekutuan, \$1.5 juta untuk Tuntutan Insuran dan Pampasan, \$66.18 juta bagi Pulang balik dan Hapuskira, \$0.5 juta untuk Perjalanan dan Pengangkutan Orang dan \$0.1 juta untuk Pelaburan dan Pinjaman.

(iii) *Maksud B. 33—Peruntukan Kepada Kumpulanwang Terkanun*

Sebanyak \$662.02 juta adalah diperlukan di bawah Maksud ini, iaitu berkurangan sebanyak \$29.99 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1978. Peruntukan ini adalah bagi kegunaan seperti berikut:

(a) **Kumpulanwang Cadangan Untuk Negeri (State Reserve Fund)**

Kumpulanwang ini memerlukan \$6.0 juta iaitu sama seperti peruntukan tahun 1978.

(b) **Kumpulanwang Pampasan Kerana Nateriam Arsenite**

Kumpulanwang ini digunakan untuk membayar ganti rugi kepada penternak-penternak yang binatang-binatang mereka termakan racun Nateriam Arsenite. Peruntukan yang diperlukan di bawah Kumpulanwang ini ialah sebanyak \$20,000.

(c) Kumpulanwang Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan

Peruntukan ini sebanyak \$6.0 juta iaitu jumlah yang dijangka akan diterima dari Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan dan sama banyaknya seperti pada tahun 1977 dan 1978.

(d) Kumpulanwang Perbelanjaan Luar Jangka (Contingencies Fund)

Sebanyak \$150.00 juta diminta diperuntukkan di bawah Kumpulanwang ini bagi tahun 1979 iaitu jumlah yang sama seperti bagi tahun 1978. Kumpulanwang ini adalah untuk menampung pendahuluan bagi belanja mengurus.

(e) Kumpulanwang Pembangunan

Kumpulanwang ini digunakan bagi menampung kekurangan perbelanjaan pembangunan dan jumlah yang dikehendaki ialah \$500.00 juta.

(iv) *Maksud B. 34—Kastam dan Eksais Di Raja*

Peruntukan Belanja Mengurus untuk Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja bagi tahun 1979 ialah \$56.83 juta. Jumlah ini bertambah sebanyak \$3.9 juta berbanding dengan peruntukan bagi tahun 1978 sebanyak \$52.92 juta. Pembahagian perbelanjaan mengikut Tajuk-tajuk tertentu adalah seperti berikut:

(a) Emolumen

Sebanyak \$48.11 juta adalah diperlukan bagi perbelanjaan gaji dan elaun. Berbanding dengan peruntukan tahun 1978 sebanyak \$45.57 juta, jumlah ini bertambah sebanyak \$2.54 juta. Tambahan ini ialah untuk pembayaran gaji serta kenaikan gaji, elaun lebih masa, elaun pencegah, elaun Singapura, elaun rumah, elaun keraian dan elaun Bahasa.

(b) Perkhidmatan dan Bekalan

Sejumlah \$7.59 juta adalah diperlukan di bawah Tajuk ini. Ini merupakan tambahan sebanyak \$1.01 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1978 iaitu sebanyak \$6.58 juta.

Keperluan ini adalah untuk Belanja Perjalanan dan Pengangkutan Orang, Pengangkutan Barang-barang, Kemudahan Perhubungan, Utiliti, Sewaan, Perkhidmatan Pencetakan serta pembelian bekalan pejabat, penyelenggaraan dan memperbaiki rumah-rumah dan pejabat-pejabat Kastam dan juga penyelenggaraan kereta-kereta dan lanci-lanci Jabatan. Ini juga termasuk kos bagi mengadakan kursus-kursus di Maktab Latihan Kastam Di Raja di Melaka.

(c) Pemilikan Harta Modal

Di bawah Tajuk ini peruntukan yang diperlukan ialah \$1.08 juta iaitu bertambah sebanyak \$0.33 juta jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1978 sebanyak \$0.75 juta.

Sebanyak \$331,800 adalah untuk menjalankan projek-projek kecil berkaitan dengan bangunan-bangunan, rumah-rumah kediaman dan pejabat-pejabat Kastam, sementara sebanyak \$745,300 ialah untuk membeli alat-alat untuk membantu mencegah penyeludupan, perabut-perabut dan kelengkapan pejabat, alat pengganti bagi lanci-lanci dan bot-bot laju serta berbagai perkakas lain.

(d) Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap

Peruntukan sebanyak \$45,500 adalah diperlukan untuk membuat bayaran caruman kepada 'Customs Cooperation Council dan International Customs Tariff Bureau' di Brussels.

(v) *Maksud B. 35—Jabatan Hasil Dalam Negeri*

Anggaran Belanja Mengurus untuk tahun 1979 bagi Jabatan ini berjumlah melebihi \$45.81 juta iaitu tambahan sebanyak \$12.78 juta daripada peruntukan 1978. Dari jumlah tersebut, \$39.24 juta adalah bagi Semenanjung Malaysia, \$2.66 juta bagi Sarawak dan \$3.91 juta bagi Sabah. Peruntukan yang diperlukan adalah bagi Tajuk-tajuk berikut:

(a) Emolumen

Peruntukan untuk gaji bagi tahun 1979 diminta sebanyak \$31.94 juta iaitu tambahan \$3.75 juta daripada peruntukan tahun 1978 sebanyak \$28.19 juta. Peruntukan adalah bagi perbelanjaan gaji dan kenaikan gaji dan elaun-elaun bagi kakitangan Jabatan ini yang ditugas untuk menyelenggarakan kerja yang bertambah bagi mencapai matlamat utama Jabatan ini ke arah mendapatkan hasil Negara menerusi pungutan cukai-cukai tertentu.

(b) Perkhidmatan dan Bekalan

Peruntukan yang diperlukan di bawah Tajuk ini ialah \$4.45 juta berbanding dengan \$3.69 juta bagi tahun 1978, iaitu bertambah sebanyak \$0.76 juta. Ini adalah bagi perbelanjaan seperti Perjalanan dan Pengangkutan Orang, Perhubungan, Api, Air dan Letrik, Sewa dan Perkhidmatan Pencetakan yang semakin bertambah dari setahun ke setahun.

(c) Pemilikan Harta Modal

Peruntukan yang diperlukan di bawah Tajuk ini ialah \$9.42 juta iaitu \$8.27 juta melebihi daripada peruntukan tahun 1978 yang berjumlah \$1.15 juta. Sebahagian besar dari peruntukan ini iaitu sebanyak \$8.83 juta adalah untuk satu aktiviti baru iaitu Prosesan Data Otomatik. Bakinya ialah

untuk membeli alat-alat dan kelengkapan pejabat, tambahan perabot yang baru serta mengganti yang lama. Peruntukan ini juga digunakan untuk memperbaiki dan membuat perubahan kepada bangunan-bangunan pejabat yang ada sekarang.

(B) Anggaran Pembangunan

(i) *Maksud P. 31—Perbendaharaan*

Peruntukan yang diperlukan di bawah Maksud ini berjumlah \$358.39 juta iaitu untuk tujuan-tujuan berikut:

- (i) Pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi pembangunan Lingkungan/Kawasan Perdagangan dan Kawasan Perusahaan sebanyak \$0.39 juta.
- (ii) Rancangan Pembangunan Tanah di Kawasan Jalan Cheras dengan peruntukan tanda sebanyak \$10.
- (iii) Pembelian Harta Modal dengan peruntukan tanda sebanyak \$10.
- (iv) Kumpulanwang Pinjaman Perumahan sebanyak \$358 juta. Ini adalah untuk memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada kakitangan Kerajaan termasuk Badan-badan Berkanun di peringkat Persekutuan dan Negeri.

(ii) *Maksud P. 34—Kastam dan Eksais Di Raja*

Peruntukan sebanyak \$16.80 juta adalah diperlukan bagi tahun 1979. Peruntukan tersebut adalah untuk perkara-perkara berikut:

1. *Semenanjung Malaysia*

Bagi Semenanjung Malaysia peruntukan tahun 1979 ialah berjumlah sebanyak \$9.95 juta iaitu untuk perkara-perkara berikut:

(a) *Pejabat-pejabat Kastam dan Rumah-rumah Kediaman*

Sebanyak \$441,155 adalah untuk pembinaan pejabat-pejabat Kastam sementara

sebanyak \$4.29 juta adalah untuk pembinaan rumah-rumah kediaman di Prai, Pelabuhan Kelang, Rantau Panjang, Johor Bharu, Butterworth, Port Dickson, Telok Anson, Seremban, Melaka, Batu Pahat Kluang, Muar, Kota Bharu, Kuantan dan tempat-tempat lain.

(b) *Kenderaan-kenderaan dan kelengkapan*

Sebanyak \$4.37 juta adalah diperlukan untuk pembelian kenderaan sementara \$736,400 adalah untuk lain-lain kelengkapan seperti senjata api, injin moto sangkut, alat-alat perhubungan, mesin timbang, alat 'crane', dan berbagai perkakas lain.

(c) *Kompleks Kastam dan Jambatan Johor Bahru*

Sebanyak \$115,436 adalah dikehendaki untuk menyiapkan kerja-kerja di Kompleks Kastam, Johor Bharu.

II. Sarawak

(a) *Pejabat-pejabat Kastam dan Rumah-rumah Kediaman*

Bagi Sarawak peruntukan sebanyak \$700,000 adalah untuk projek-projek pembinaan pejabat sementara sebanyak \$4.09 juta adalah untuk projek pembinaan rumah-rumah. Projek-projek ini adalah di Kuching, Sibul, Sarikei, Binatang, Miri, Marudi, Limbang, Lawas dan Sundar.

(b) *Kenderaan-kenderaan dan Kelengkapan*

Sebanyak \$45,200 pula adalah untuk pembelian alat perhubungan dan sebuah lori.

III. Sabah

(a) *Pejabat-pejabat dan Rumah-rumah Kediaman*

Peruntukan berjumlah \$1.02 juta adalah diperlukan untuk menampung perbelanjaan projek-projek pembinaan pejabat dan perumahan di Labuan, Tawau dan Lahat Datu, Menumbuk, Kunak, Kudat, Semporna dan Sandakan.

(b) *Kenderaan-kenderaan dan Kelengkapan*

Sebanyak \$1.0 juta juga diperlukan untuk membeli sebuah lori dan 'Receipting Machine' jenis NCR 270.

(iii) *Maksud P. 67—Luar Jangka (Contingencies)*

Sebanyak \$400.0 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud ini sebagai simpanan untuk pendahuluan bagi projek-projek yang akan dilaksanakan tetapi peruntukan baginya tidak disediakan dalam anggaran atau untuk pendahuluan bagi menambah peruntukan-peruntukan yang didapati tidak mencukupi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Mengurus B. 31, B. 32, B. 33, B. 34 dan B. 35, Maksud Pembangunan P. 31, P. 34 dan P. 67 di bawah Kementerian Kewangan sekarang dibuka untuk perbincangan.

Yang Berhormat dari Pagoh.

3.54 ptg.

Tuan Muhyuddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan peruntukan Kementerian Kewangan.

Saya menyokong peruntukan yang telah dimohon, tetapi ingin mengemukakan pandangan-pandangan di dalam beberapa perkara sebagaimana yang terkandung di dalam Anggaran Belanjawan tersebut. Saya ingin menyentuh perkara Maksud B. 31—Perbendaharaan, Butiran 1100, Aktiviti (1) (c) berkenaan dengan Penyemakan Cukai.

Tuan Pengerusi, di dalam Bahagian ini, sebagaimana yang telahpun disuarakan oleh ramai rakan-rakan saya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan cukai pendapatan dan juga relief di atas personal

income-tax. Saya percaya walaupun penerangan telah pun diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di dalam masa membentangkan Belanjawan ini pada bulan yang lalu, tetapi saya percaya sudahlah sampai masanya Akta Cukai Pendapatan Persendirian ini dikaji semula dan seterusnya membuat perakuan supaya kadar personal relief di atas cukai pendapatan persendirian ini juga diubahsuaikan mengikut keadaan masa yang ada sekarang ini.

Ramai di kalangan rakyat kita berpendapat bahawa cukai pendapatan peribadi yang dikenakan sekarang ini tidak begitu sesuai dengan keadaan harga barang-barang yang begitu tinggi dan juga keadaan-keadaan lain yang memaksa. Oleh yang demikian, pertamanya saya ingin mendapat pandangan dan juga mencadangkan kepada Kementerian ini supaya soal personal tax relief di atas cukai pendapatan persendirian ini juga hendaklah dikaji semula.

Perkara yang kedua di bawah Maksud B. 31—Perbendaharaan, Butiran 1100, Aktiviti (6), Pentadbiran Insuran, di mana sebanyak \$675,050 telahpun diperuntukkan bagi Anggaran Belanjawan, 1979.

Baru-baru ini Akta Insuran (Pindaan), 1978 telahpun diluluskan dan dilaksanakan mulai 1hb April tahun ini. Satu perkara yang masih menjadi kemusykilan dan juga masalah ialah tentang rancangan untuk mengadakan 'cash before cover' ataupun bayaran premium tunai sebelum dilindungi oleh insuran. Perkara ini telahpun menimbulkan berbagai masalah, khususnya di kalangan syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan di dalam negara ini.

Sebagaimana yang kita ketahui, rancangan 'cash before cover' ini juga sudahpun dilaksanakan oleh kebanyakan negara-negara seperti India dan lain-lain, tetapi mengikut sejarah perkembangannya rancangan ini tidak berjaya oleh sebab masalah-masalah yang dihadapi dari segi syarikat-syarikat tempatan dan sebagainya yang melibatkan soal terjejasnya kedudukan kewangan, lebih-lebih lagi sekiranya syarikat-syarikat yang berkenaan itu adalah syarikat-syarikat yang baru muncul dan juga kedudukan kewangannya masih belum kukuh. Oleh yang demikian, kita berharap Kementerian

Kewangan akan mengkaji semula dasar ataupun sekimnya berhubung dengan 'cash before cover' yang telahpun dipersetujui dan dijalankan oleh syarikat-syarikat insuran di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, sistem 'cash before cover' ini dari segi insuran memberikan implikasi yang buruk dan tidak sihat dari segi perkembangan syarikat-syarikat yang banyak tumbuh sekarang ini di merata negara. Mengikut Laporan Ekonomi bagi tahun 1978 tahun ini yang telahpun diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kedudukan syarikat-syarikat insuran di negara kita semakin lama bertambah baik. Mengikut laporan tahunannya yang telahpun dibentangkan, syarikat-syarikat tersebut mendapat keuntungan yang besar bahkan juga mengeluarkan dividen-dividen yang besar kepada pemegang-pemegang sahamnya. Mengikut Laporan ini hak milik saham ataupun equity yang dipegang oleh rakyat Malaysia sudahpun bertambah. Dalam tahun 1978 sehingga bulan September tahun ini, sebanyak 32 kompeni telahpun ditubuhkan ataupun berjalan berniaga insuran dengan mempunyai harta ataupun ekuiti sebanyak \$586 million berbanding dengan \$51 million yang dipegang oleh 31 buah syarikat insuran dalam tahun 1977.

Demikian juga dari segi harta yang ditabungkan di kalangan syarikat-syarikat insuran di negara ini terdiri daripada syarikat-syarikat insuran nyawa dan juga insuran-insuran umum ataupun life and general insurance.

Dari segi harta mereka sehingga bulan September, 1978, harta di kalangan syarikat-syarikat insuran ini sebanyak \$1,538.7 juta berbanding dengan \$1,306.4 juta di dalam 1977. Ini menunjukkan kenaikan dari segi nilai harta-harta syarikat ini sebanyak 17.8%.

Demikian juga sehingga bulan September, 1978 syarikat-syarikat insuran pada keseluruhannya memegang harta mereka, bagi syarikat insuran nyawa sebanyak \$917 juta hingga akhir bulan September, 1978 dan bagi syarikat umum (general insurance) sebanyak \$461.1 juta. Angka-angka ini menunjukkan pertambahan, pertama dari segi pemilikan saham syarikat-syarikat insuran dan kedua dari segi pemilikan harta di

kalangan syarikat-syarikat insuran. Jadi, saya percaya dakwaan ataupun anggapan daripada syarikat-syarikat insuran yang mengatakan mereka mengalami kerugian pada keseluruhannya tidaklah begitu tepat. Oleh yang demikian, soal "cash before cover" hendaklah dipertimbangkan semula dan hendaklah dikaji cara yang lain bagaimana untuk memperbaiki perniagaan insuran yang ada di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, di dalam perkara B. 31—Perbendaharaan Kod 1100, Aktiviti (1) perkara (c) juga berkenaan Penyemakan Cukai, saya ingin mengemukakan kepada Dewan ini satu perkara yang mungkin baru dari segi institusi kewangan negara kita.

Sebagaimana yang kita maklum, Akta Sewa Beli telahpun diterima oleh Dewan dan dilaksanakan sebagai panduan bagi perjalanan syarikat-syarikat sewa beli (hire-purchase institution) tetapi baru-baru ini dalam masa tiga-empat tahun yang lalu satu sistem sewa beli yang disebut sebagai "leasing", belum ada istilah yang tepat dalam Bahasa Malaysia, telahpun bergerak dengan begitu pesat dan seterusnya memberikan sumbangan yang bermakna dengan menolong syarikat-syarikat terutama syarikat pembuatan dan juga machinery di mana di bawah sekim leasing ini telahpun memungkinkan syarikat-syarikat yang tidak mempunyai kewangan atau pun yang menghadapi masalah wang pusingan yang tidak mencukupi, rancangan leasing yang telahpun dijalankan oleh berbagai syarikat kewangan yang ada di dalam negara kita ini telahpun dapat memberikan pinjaman dengan cara-cara yang mudah dan sebagaimana yang dimaklumkan kepada kebanyakan daripada bakal-bakal peminjam ataupun prospective lessee bahawa di bawah sistem leasing ini syarikat-syarikat yang mendapat pinjaman dan bantuan adalah dikecualikan daripada bayaran cukai, tetapi sehingga ini saya telahpun difahamkan bahawa belum ada sebarang keputusan yang tepat dari segi Kementerian Kewangan, khususnya yang menentukan bahawa segala pembayaran bagi insuran, bayaran leasing di bawah sekim ini adalah benar-benar dikecualikan daripada cukai. Jadi saya ingin tahu dan saya berharap pihak Kementerian akan memberikan pandangan dari segi ini dan juga mengambil tindakan yang sewajarnya

bagi menggalakkan perkembangan sekim leasing ini di kalangan institusi-institusi kewangan yang ada di dalam negara kita. Saya percaya sekim ini adalah penting dalam konteks Kerajaan untuk mempesatkan lagi usaha-usaha bagi menggalakkan industri-industri terutama agro-based industry di dalam negara kita.

Saya juga mencadangkan supaya syarikat-syarikat leasing yang memberikan kemudahan-kemudahan kepada peminjam-peminjam juga mendapat capital depreciation allowance untuk membenarkan syarikat-syarikat ini mengadakan sekim-sekim yang lebih mudah kepada industri tempatan terutama agro-based industry supaya dengan cara ini kos-kos pinjaman yang dikenakan kepada syarikat-syarikat tersebut dapat diberikan dengan harga yang lebih murah.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Pembangunan 31—Perbendaharaan. Butiran 1 berhubung dengan Pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi Pembangunan Lingkungan/Kawasan Perdagangan dan Kawasan Perusahaan. Saya percaya khususnya negeri Johor melalui perbadanannya telahpun mengemukakan banyak permohonan dan juga permintaan kepada Kementerian supaya diluluskan pinjaman bagi projek-projek pembangunan perindustrian di dalam negeri Johor.

Sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Anggaran Belanjawan 1979 ini, saya lihat hanya sebanyak \$396,322 sahaja yang diperuntukkan di bawah B. 31, di bawah Aktiviti ini. Saya percaya peruntukan dari segi pinjaman kepada Kerajaan Negeri ini adalah terlalu kecil dan perlulah pihak Kementerian menambahkan peruntukannya berlipat ganda supaya Kerajaan-kerajaan negeri melalui perbadanan-perbadanan yang wujud dapat diberikan peruntukan pinjaman yang lebih bagi menggerakkan segala rancangan pembangunan yang ada dalam negeri tersebut.

Tuan Pengerusi, di dalam Maksud P. 34—Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Butiran 3 berhubung dengan Kompleks Kastam dan Jejambat, Johor Bahru. Saya sedar dan saya faham bahawa tindakan telahpun diambil khususnya oleh pihak Kementerian dengan kerjasama Jabatan Kerjaraya

bagi menyegerakan pembinaan Kompleks Kastam dan Jejambat di Johor Bahru.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, negeri Johor khususnya Johor Bahru merupakan tempat permulaan bagi pelancung-pelancung masuk ke negara ini dari Selatan dan kehampiran kita dengan Singapura menjadi satu perbandingan di kalangan bukan sahaja pelancung-pelancung bahkan pelabur-pelabur. Oleh sebab yang demikian, saya percaya adalah perlu dan mustahak pembinaan kompleks kastam dan jejambat di Johor Bahru ini disegerakan dan sebagaimana yang saya ketahui mengikut peruntukan yang telahpun disediakan di sebelah anggaran 1979 sebanyak \$115,436 sahaja diperuntukkan bagi menyiapkan kerja-kerja menyempurnakan Kompleks Kastam dan Jejambat di Johor Bahru. Apa yang saya ketahui setakat ini masih lagi banyak kerja-kerja yang patut dilaksanakan untuk menjadikan Kompleks Kastam di Johor Bahru itu sebagai satu kompleks yang betul-betul integrated dan memuaskan. Oleh itu perlulah pihak Kementerian memikirkan semula bagi menambahkan peruntukan yang patut supaya projek ini pertamanya dapat disempurnakan dalam tahun 1979 dan keduanya peruntukan yang ada ini perlu ditambah lagi.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi saya sentuh di sini ialah soal berhubung dengan perkara di bawah Butiran 1100, Maksud B. 31—Perbendaharaan berkenaan dengan Perkhidmatan Kawalan. Saya percaya bahagian ini adalah penting di dalam Perbendaharaan bagi menentukan supaya segala peraturan-peraturan yang telahpun ditetapkan di bawah Financial General Order dan sebagainya dilaksanakan sebagaimana yang dikehendaki. Saya percaya juga berkaitan dengan ini kawalan yang lebih rapi dari segi penggunaan wang Kerajaan hendaklah diamalkan. Sebagaimana yang kita ketahui sistem yang telahpun ditimbal oleh Kementerian ini ialah Management Auditing Sistem seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang lalu dan saya berharap melalui sistem ini satu cara pengawalan di atas penggunaan wang Kerajaan yang lebih berkesan dapat dilaksanakan.

Selain daripada itu, saya juga berharap melalui sistem ini dapat juga ditimbal dan

dilaksanakan di peringkat negeri-negeri. Apa yang kita ketahui sekarang ini negeri-negeri mempunyai Jabatan Odit masing-masing tetapi saya belum melihat dan mengetahui setakat ini mana-mana negeri yang telahpun menimbal dan mengikuti sistem management audit sebagaimana yang dijalankan oleh Kementerian Kewangan.

Pada akhirnya, saya menyokong peruntukan yang telahpun diminta oleh Kementerian ini.

4.10 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya bercadang untuk berucap secara pendek dan saya hanya menyentuh dua tiga perkara dalam ucapan saya ini.

Yang pertama, saya ingin merujuk kepada Maksud B. 34, muka surat 265, Aktiviti (2)—Pungutan Hasil yang diuruskan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja. Atas perkara pungutan ini hasil, suka saya merujuk kepada perkara tuntutan cukai jualan. Di sini saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada aduan-aduan yang sentiasa diterima oleh saya sebagai Wakil Rakyat, dari sektor perusahaan pembuatan kecil mengenai apa yang disifatkan oleh mereka sebagai pembayaran cukai jualan dua kali (double payment of sales tax). Kilang-kilang pembuatan kecil mendakwa bahawa apabila mereka membeli barang-barang mentah (raw materials) untuk pembuatan mereka, mereka dikehendaki membayar 5% cukai jualan atas pembelian barang-barang mentah itu. Tetapi apabila mereka telah siap dan telah mengeluarkan pembuatan mereka (finished product) untuk penjualan, mereka dikehendaki lagi untuk membayar 5% cukai jualan.

Tuan Pengerusi, nampaknya ini merupakan pembayaran cukai jualan dua kali dan mereka, iaitu pengusaha-pengusaha kecil itu mendakwa bahawa ini tidak adil. Oleh sebab yang demikian, saya harap Timbalan Menteri yang berkenaan dapat memberi sedikit penjelasan atas hal ini. Oleh sebab pihak pengusaha-pengusaha kecil itu ada melafazkan harapan bahawa Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja dapat memberi penjelasan atas hal ini supaya satu langkah dapat diambil

untuk membantu mereka mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh mereka.

Perkara yang kedua, yang ingin saya sentuh ialah mengenai Maksud B. 31—Perbendaharaan, muka surat 251, Aktiviti (1) (c)—Penyemakan Cukai. Atas perkara penyemakan cukai, saya ingin mencadangkan kepada Dewan ini bahawa Unit Penyemakan Cukai ini patutlah mengkaji, menyemak dan merekomenkan kepada pihak yang berkenaan tentang perubahan-perubahan struktur di dalam sistem cukai kita ini bagi menentukan bahawa sistem cukai ini boleh menjadi satu alat yang dinamis dan aktif untuk membina satu masyarakat yang lebih adil dan saksama. Unit atau Bahagian ini patut mencari—cara-cara yang sesuai dan lebih berkesan untuk mengurangkan beban cukai kumpulan-kumpulan orang yang tidak berada dapat memindahkannya kepada golongan-golongan yang mampu membayar cukai yang lebih. Itulah satu syor saya tetapi tidaklah perlu bagi saya memberikan butiran-butiran atas hal ini.

Perkara yang akhir, yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai Maksud B. 31 juga, Aktiviti (10)—Pinjaman Perumahan. Atas perkara Pinjaman Perumahan ini, suka saya merujuk kepada kadar bunga untuk pinjaman perumahan. Dalam hubungan ini, saya ingin, meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengkaji kemungkinan kadar bunga untuk pinjaman perumahan dikurangkan lagi supaya golongan yang miskin dan berpendapatan rendah dapat diuntungkan lagi.

Baru-baru ini Governor Bank Negara telah mengumumkan dalam suratkhbar bahawa Bank Negara telah mengurangkan jumlah nilai rumah dari \$200,000 kepada \$100,000 sebelum seseorang individu yang memohon pinjaman perumahan itu berlayak untuk mendapat kadar bunga 9% ke atas pinjaman perumahan. Sungguhpun ini dialu-alukan, akan tetapi saya berharap bahawa sebagai sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat, dapat mengkaji kemungkinan mengurangkan kadar bunga 9% ke 8% supaya pembeli-pembeli rumah dapat diuntungkan memandangkan bahawa rumah ialah satu keperluan manusia yang asas.

Mengenai pinjaman membeli rumah harga murah atau rendah yang diuruskan oleh

Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB), saya juga berharap bahawa kadar bunga untuk pinjaman itu dapat dikurangkan sedikit dari 5.5% kepada 5% supaya golongan yang miskin dan berpendapatan rendah dapat diuntungkan lagi.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Parit.

4.18 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Maksud P. 31 muka surat 259, Butiran 7—Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Dewan ini untuk menimbangkan perkara yang berikut:

- (i) Berapakah jumlah pelaburan ini bagi tahun 1976 dan 1977;
- (ii) Berapa banyak dan sejauh mana Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra yang digunakan dan apa jenis projek

Dato' Neo Yee Pan: Tuan Pengerusi, on a point of order. Kementerian ini tidak meminta wang atas aktiviti Bumiputra Investment Fund. Jadi dengan kerana itu perkara ini tidak boleh dibahaskan.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Pengerusi, selain daripada perkara yang saya sebutkan di atas, saya suka menarik perhatian Dewan ini supaya menambah kegiatan-kegiatan pelaburan dengan meminta lain-lain institusi kewangan seperti Malayan Banking, Arab Development Bank, United Asian Bank, Chartered Bank, Bank of America dan lain-lain untuk memberikan sokongan mereka yang menasabah terhadap projek-projek bumiputra.

Tuan Pengerusi: Tujuan Ahli Yang Berhormat menyoal itu, adakah ditumpukan kepada . . . meminta ditimbangkan oleh Kementerian Kewangankah atau Ahli Yang Berhormat hendak menumpukan permintaan itu terus kepada bank-bank yang disebutkan tadi.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Maksud saya, Tuan Pengerusi, meminta terus kepada bank-bank yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Kalau bank-bank itu macam mana pula Menteri Kewangan terbahit dalam hal ini?

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Dengan mendapat sokongan daripada Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi: Minta sokongan.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Pengerusi, pada masa ini cuma ada dua buah bank yang menyokong Syarikat Perkapalan Bumiputra dengan cara bantuan terus. Bank-bank ini ialah Arab Development Bank dan Bank Pembangunan sehingga mendapat sebanyak \$3 juta.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Pengerusi, di bawah Maksud berapa Ahli Yang Berhormat itu bercakap. Tadi saya ada sebutkan kalau Ahli Yang Berhormat itu bercakap di bawah P. 31, Butiran 7—Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra, Kementerian ini tidak minta wang. Bagi Anggaran tahun 1979 Kementerian ini tidak minta wang.

Tuan Pengerusi: Tadi saya bertanya Ahli Yang Berhormat dari Parit macam mana Kementerian Kewangan boleh menolong rakyat bumiputra ini melabur, misal kata di dalam syarikat yang dikatakan tadi. Pada waktu itu saya pun kurang faham apa tujuan Ahli Yang Berhormat itu bertanya. Kemudiannya dia menjawab, dia cuma minta sokongan daripada Kementerian, sokongan itu kita pulangkan kepada kebijaksanaan Kementerian Kewangan memikirkan cara macam mana yang Kementerian Kewangan boleh menolong menerusi bank-bank ini untuk menambah atau memperkuatkan lagi pelaburan-pelaburan bumiputra. Dia tidak minta wang, Yang Berhormat; dia minta sokongan rupa bentuk sokongan itu dipulangkan kepada kebijaksanaan Kementerian Kewangan.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Pengerusi, syarikat yang sama telah menemui lain-lain bank untuk mendapatkan bantuan kewangan ini dan kebanyakannya menolak permohonan ini tanpa memberi pertimbangan kepada laporan kemajuannya.

Kita pernah memperkatakan banyak kali di Dewan yang mulia ini bahawa kepentingan

bumiputra akan dijaga dan bank-bank akan memberikan bantuan kepada bumiputra sebanyak 30%, demi untuk membaiki dan menyesuaikan diri mereka untuk bersaing dengan bukan bumiputra. Apa yang lebih penting ialah kiranya Lembaga Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra itu memberi sokongan yang penuh dan menjaga kepentingan ini dan memerhatikan dengan lebih dekat terhadap bank-bank perdagangan sama ada bank-bank tersebut memainkan peranan mereka untuk bumiputra. Saya tidak meminta lebih daripada apa yang dicatit. Di dalam buku itu saya tidak minta apa-apa, cuma meminta sokongan sahaja projek-projek secara langsung yang agak boleh dikawal dan diusahakan oleh bumiputra 100%.

Terdapat banyak syarikat yang telah menyewa kapal-kapal untuk mengangkut minyak dari Kuala Trengganu ke tempat-tempat lain seperti Singapura ke Port Dickson dan Pulau Pinang. Semua syarikat-syarikat minyak ini tidak memberi peluang kepada bumiputra untuk mengambil bahagian melainkan sekali dua sahaja walaupun dalam hal ini bumiputra menghadapi kesulitan yang tidak putus-putus dengan pihak syarikat perkapalan. Sekiranya Lembaga Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra boleh menyokong Syarikat Perkapalan ini mereka boleh menambahkan bilangan kapal mereka. Saya kurang pasti berapa orang bumiputra yang telah menerima atau mengambil pinjaman dari Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak.

4.27 ptg.

Tuan Kamaluddin bin Maamor (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 31, Butiran 1100, Aktiviti (6), muka surat 251 berkenaan dengan pentadbiran Insuran.

Tuan Pengerusi, bahagian Insuran ini memainkan peranan yang sangat penting bagi menjamin perkembangan perniagaan insuran yang terhad di dalam negara kita ini. Kita seringkali mendengar penyalahgunaan kuasa dan amalan yang salah yang sering dilakukan oleh insuran-insuran, broker-broker

dan agen-agen mereka yang tidak bertanggungjawab. Kita sering mendengar berlakunya pembatalan-pembatalan insurance cover sungguhpun wang tunai telahpun dibayar kepada agen-agen mereka. Begitu juga kita sering mendengar kelewatan pihak insuran menyelesaikan tuntutan-tuntutan daripada pihak ketiga dan juga daripada pihak pertama yang memegang insuran tersebut.

Dan juga kita sering mendengar insuran menggunakan loading yang tidak munasabah dan kadangkala mengeneipkan tuntutan; makna saya avoiding liability mereka itu. Dengan pembubaran syarikat PGI yang insolvent baharu-baharu ini maka kita makin bimbang akan peranan bahagian ini bagi mengatasi masalah yang saya sebutkan itu, apatah lagi dengan perluasan tanggungjawab bahagian ini dengan adanya Akta Pindaan 1975 dan 1978. Bilangan jawatan sebanyak 71 orang bagi 1979 itu tidakkah mencukupi bagi mengatasi masalah di atas sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan juga bagi mengawasi syarikat-syarikat insuran di dalam negara kita ini. Dengan demikian, saya mencadangkan supaya bilangan jawatan dalam bahagian ini ditambah selaras dengan tanggungjawab mereka yang begitu luas dan dengan adanya Akta Pindaan 1975 dan 1978 itu.

Saya juga tertarik hati dengan rancangan 1979 yang ternyata di Buku Biru Anggaran Belanjaan 1979 yang akan membawa kesan yang baik terhadap perniagaan insuran di negara kita ini. Cuma harapan saya pihak Bahagian ini dapat mencontohi Bank Negara kita bagi mengawasi bank-bank di negara kita ini. Saya juga menyeru kepada Bahagian ini supaya memainkan peranan yang berkesan bagi mempercepat pembayaran tuntutan-tuntutan terhadap Syarikat PGI yang insolvent itu daripada Kumpulanwang Jaminan Insuran.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran yang sama, Aktiviti 8*(a)—Perkhidmatan Penilaian. Saya ingin memberi pandangan berkenaan dengan tugas-tugas Bahagian ini yang melibatkan secara langsung orang ramai terutama berkenaan dengan Bahagian Penilaian bagi pemungutan cukai setem, duti harta pusaka, pengambilan tanah dan pinjaman perumahan Kerajaan.

Saya dapati terlalu banyak sungutan daripada orang ramai yang mengatakan Bahagian ini mengambil masa yang terlalu lama bagi menilai mana-mana harta yang saya sebutkan di atas tadi. Saya tidak tahulah apa sebabnya, mungkin tidak cukup pegawai ataupun pegawai tidak diberi latihan yang secukupnya. Kadangkalanya jika sekiranya penilaian itu dijalankan oleh pegawai dari Pejabat Tanah, penilaian itu akan mengambil masa lebih daripada setahun. Mungkin juga pegawai-pegawai daripada Pejabat Tanah tidak diberi kursus bagi menjalankan penilaian ini.

Dengan itu, saya mencadangkan kepada Bahagian ini supaya mengadakan di tiap-tiap bandar yang besar seperti Ipoh dan Taiping sebagai contoh di Perak, seorang Pegawai Penilaian seumpamanya diadakan. Bahagian ini patutlah mengadakan seorang pegawai di Telok Anson untuk menilai harta-harta di bahagian Hilir Perak. Begitu juga Bahagian ini mestilah mengadakan kursus yang lengkap bagi pegawai mereka untuk menilai khasnya kepada Pegawai Tanah yang tidak mengetahui cara yang sebenarnya untuk menilai harta. Jadi dengan adanya kursus ini, insya Allah sungutan orang ramai tidak kita dengar lagi.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

4.33 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong penuh peruntukan kepada Kementerian Kewangan dan ingin menyentuh berkenaan Bekalan 34, Butiran 1100, Aktiviti (3)—Pencegahan dan Perlaksanaan (Preventive and Enforcement) yang telah diberi peruntukan \$4,167,000.

Tuan Pengerusi, masalah yang sangat penting dan besar yang kita hadapi sekarang ialah masalah dadah dan tindakan yang sedang diambil oleh pihak Kastam tidak berapa memuaskan dan effective. Kita harus mengkaji semula approach kita berkenaan detection dan pencegahan aktiviti-aktiviti drug traffickers dan sindiket-sindiket yang ada operation di dalam atau di luar negara kita. Untuk mencegah dan menghapuskan masalah dadah di negara kita, yang pertama kita mesti melaksanakan satu operasi dan mengawal (control) drug entry di negara kita ini.

Saya sangat dukacita sampai hari ini kita belum mengatasi anti-dadah dan aktiviti-aktiviti perawatan dan pemulihan kepada penagih-penagih dadah tidak boleh berjaya, oleh kerana supply dadah ada lagi, dan kehilangan tenaga manusia dan wang tidak boleh dikira sampai hari ini.

Tuan Pengerusi, Attache Kastam di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negeri juga hendaklah mengkaji semula fungsi-fungsi mereka berkenaan hal ini. Oleh kerana imej antarabangsa kita sekarang ialah sangat buruk dan apabila satu Malaysian melawat negara-negara lain khasnya di negara-negara Eropah, Kastam mereka selalu ingat Malaysian itu ialah seorang penagih dadah, atau jikalau bukan penagih dadah, barangkali dia seorang drug smuggler. Ini saya ingat kita mesti mengambil perhatian dan membaiki imej kita ini.

Jikalau peruntukan yang telah diberi kepada seks ini tidak cukup, bolehlah kita tambah lagi, tetapi kita haruslah melaksanakan satu Action Orientated Programme dan menghapuskan aktiviti-aktiviti trafficking ini.

Tuan Pengerusi, wabak penyakit kuku dan mulut juga ada berkaitan dengan Pejabat Kastam ini, oleh kerana binatang-binatang haram yang ada penyakit ini masuk ke negara melalui border Thailand dengan negara kita. Dan binatang-binatang itu bukan macam dadah sangat kecil—mereka sangat besar, dan kenapa Kastam-kastam kita tidak boleh lihat apabila mereka masuk ke negara kita ini. Barangkali mereka masuk dari tempat di luar kawasan check-point. Jikalau entry ialah di luar kawasan check-point, kita mestilah mengambil langkah mengawal entry-point itu.

Saya harap Kementerian boleh menambahkan dan menguatkan lagi aktiviti pencegahan dan perlaksanaan dengan kerjasama pihak Biro Narkotik, Polis, Interpol dan agensi-agensi lain dan saya juga merayu kepada rakyat semua bekerjasama dengan Kastam dan memberi information kepada Kastam sebelum mereka boleh mengambil tindakan.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

4.39 ptg.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan atas peruntukan Kementerian saya.

Saya juga suka mengucapkan terima kasih kepada sokongan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat kepada Kementerian saya, dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat tadi mengambil bahagian dalam perbincangan ini telah memberi teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang berguna dan dari segi saya, oleh sebab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat telah dibincangkan dengan lanjutnya di dalam Dewan ini pada masa Belanjawan, saya tidak berhajat untuk menjawab atas perkara-perkara seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pagoh berkenaan Personal Relief Allowance (Cukai Pendapatan Persendirian).

Pada masa mengemukakan belanjawan, Menteri Kewangan telahpun memberi penjelasan yang lanjut atas perkara ini dan Kementerian saya dari masa ke semasa pun telah mengkaji kadar (structure) percukaian di atas perkara ini dan oleh sebab perkara itu telah dijawab dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri jadi tidaklah payah saya memberi jawapan lagi di sini.

Berkenaan dengan Akta Insuran 1978 rancangan 'cash before cover' yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, ingin saya memberitahu Ahli Yang Berhormat perkara ini telahpun dibincangkan dengan panjang lebar oleh Dewan yang dulu semasa pindaan Akta ini dibentangkan. Dan oleh sebab jawapan ini lanjut, pada masa ini saya pun tidak berhajat menjawab perkara ini, tetapi saya merujuk Ahli Yang Berhormat kepada *Hansard* yang lalu. Saya boleh katakan di sini atas rancangan ini dan tadi ada ditegur oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak yang menyatakan ada ajen-agen insuran yang tidak bertanggungjawab, saya boleh menyatakan di sini kalau ada penyalahgunaan kuasa oleh ajen-agen insuran tersebut di bawah Akta ini, Pengarah Insuran di Kementerian saya akan mengambil tindakan terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh pun telah membangkitkan soal pinjaman kepada negeri-negeri khususnya kepada negeri Johor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sentiasa memberi pinjaman kepada negeri-negeri yang perlukan pinjaman itu dengan sewajarnya dan pada masa ini Kementerian saya sedang menjalankan kajian atas perkara ini dan kalau pinjaman kepada negeri-negeri untuk pembangunan atau perkara-perkara lain yang tidak mencukupi sekim ini boleh dikaji semula.

Berkenaan dengan perkara leasing. Ini satu sekim baru yang dijalankan oleh syarikat-syarikat kewangan. Saya pun ada membuat komen baru-baru ini di surat-khabar. Perkara leasing ini sudah dibincangkan dalam satu seminar yang diadakan baru-baru ini dan seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan bahawa keputusan tetap belum diambil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya ada mempunyai panduan (guide-lines) terhadap perkara ini dan saya pun ada sebutkan selepas seminar itu kalau pihak syarikat-syarikat kewangan ingin berbincang dengan Kementerian saya atas perkara leasing, Kementerian saya bersedia berbuat begitu. Oleh sebab leasing ini satu cara yang baharu dan ada mempunyai implikasi percukaian (taxation) yang luas, maka ia perlulah dikaji dengan mendalamnya.

Berkenaan dengan Kompleks Kastam di Johor Bahru, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu langkah-langkah telahpun diambil dan lawatan pun telah dibuat oleh saya sendiri beberapa kali Johor Bahru dan sekarang satu langkah semi permanent adalah diambil untuk meluaskan tapak kompleks Kastam di Johor itu untuk menambah 10 lagi tempat-tempat pemeriksaan (checking bay) Kastam dan Imigresen dan pada pendapat saya kemudahan ini kalau siap boleh memudahkan atau mengurangkan kesesakan lalulintas di Johor Bahru. Kementerian Kewangan atau Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja pun berbincang dengan pihak JKR, Imigresen, Polis dan lain-lain Kementerian untuk mewujudkan satu rancangan yang panjang dengan tujuan untuk menghapuskan masalah-masalah yang dihadapi sekarang sama sekali. Langkah ini sedang diambil dan saya harap dengan kemudahan yang dibuat

sekarang untuk meluaskan Kompleks Kastam di Johor Bahru itu saya ingat boleh menyelesaikan masalah jangka masa pendek untuk masa 5 tahun yang akan datang. Dengan adanya satu rancangan jangka panjang, saya fikir masalah yang dihadapi oleh Kastam di Johor Bahru sekarang boleh dihapuskan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan beberapa perkara. Satu berkenaan dengan cukai jualan (sales tax). Saya fikir kalau Ahli Yang Berhormat boleh membawa perkara-perkara tertentu, saya bolehlah memberi perhatian serta pertimbangan atas perkara ini.

Perkara structure income tax itu tidak payah saya timbulkan lagi dan satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar berkenaan kadar bunga untuk pinjaman perumahan kepada sektor swasta. Mengikut maklumat yang telah diberi oleh Bank Negara kadar 9% itu adalah satu angka yang maksima dan terpulanglah kepada bank-bank atau lending houses untuk menentukan kadar-kadar yang sewajarnya tetapi maksimumnya 9%. Berkenaan dengan sekim pinjaman perumahan kos rendah yang dijalankan oleh MBSB, EPF pun ada mengambil bahagian. Itu adalah satu sekim untuk menolong orang-orang yang berpendapatan rendah untuk mendapat membeli rumah-rumah yang dibina oleh syarikat-syarikat perumahan yang diluluskan oleh MBSB. Sekim ini telah dijalankan beberapa tahun dan pada pendapat saya sangat memuaskan, oleh sebab masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah ialah wang pertaruhan yang menyusahkan ramai pembeli-pembeli rumah.

Di bawah sekim yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan ini pembeli-pembeli boleh mendapat 10% wang dari EPF sekiranya dia adalah seorang penjarum kepada EPF atau pendapatannya lebih rendah daripada \$500 dan tidak mempunyai rumah. Kadar 5.5% yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pada pendapat saya adalah satu kadar yang sangat rendah. Tetapi Kementerian saya pun sedang mengambil langkah-langkah, bukan untuk menurunkan kadar, tetapi memanjangkan tempoh membayar balik pinjaman itu. Itu saya fikir adalah satu

langkah yang boleh meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah yang berpendapatan rendah.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah membangkitkan berkenaan Bumiputra Investment Fund. Dasar Kerajaan adalah untuk menolong Bumiputra menyertai perindustrian dan pada tahun 1990 akan mencapai 30% kepunyaan harta (wealth) di negara ini dan Bumiputra Investment Fund ini adalah satu sekim untuk menolong bumiputra di kalangan perindustrian untuk mencapai matlamat itu dalam lingkungan Dasar Ekonomi Baru. Kalau saya tidak silap Bumiputra Investment Fund ini di bawah satu Jawatankuasa diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan ada satu lagi Jawatankuasa Kecil (Sub-Committee) yang diketuai oleh Gabenor Bank Negara dan tujuan itupun macam saya sebutkan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah membangkitkan berkenaan Bahagian Petugas Penilaian. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Bahagian ini memanglah ada menghadapi masalah-masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Oleh sebab Bahagian ini berkurangan kakitangan sebab pegawai-pegawai penilaian itu bukan pegawai-pegawai biasa tetapi adalah pegawai-pegawai professional. Setahu saya kursus-kursus pun telah diberi kepada pegawai-pegawai itu dan pada masa sekarang pun ada beberapa orang pegawai yang telah dihantar keluar untuk menjalani latihan supaya mereka boleh menjalankan tugasnya dengan cekap dan baik. Bahagian Penilaian ini pun ada rancangan untuk membuat satu rancangan untuk data tanah yang boleh menolong pegawai-pegawai menilai harta dengan secepatnya. Dengan sebab itu beberapa orang pegawai telah dihantar keluar negeri untuk latihan supaya bila mereka balik ke negara ini sistem penilaian atau masa yang diambil boleh dicepat dan boleh dikurangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyentuh Bahagian Pencegahan dan masalah penyeludupan dadah di sempadan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian Pencegahan ini sedang berusaha untuk mengurangkan penyeludupan bukan sahaja dadah, lain-lain seperti bijih timah dan

barang-barang yang dilarang masuk atau keluar daripada negara kita. Tentang penyeludupan dadah samada yang masuk di Malaysia atau keluar daripada Malaysia, Bahagian Pencegahan telahpun bekerjasama dengan Interpol dan Jabatan Kastam di Amerika Syarikat, German Barat dan lain-lain negara untuk mencegah penyeludupan dadah di luar negeri.

Pada masa sekarang untuk menguatkan lagi operation ini Bahagian Pencegahan Jabatan Kastam dan Eksais di-Raja ada menubuhkan satu unit anjing untuk mengesan narkotik dengan berkesannya dan pada masa sekarang kita ada dua ekor anjing yang dihadiahkan oleh Jabatan Kastam Amerika Syarikat. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, satu daripada dua ekor anjing itu telah mati oleh sebab penyakit. Tetapi dengan adanya dua ekor anjing itu operasi penyeludupan dadah telahpun berjaya dikesan dan pada 11hb November, 1978 pegawai-pegawai kastam dan anjing itu telah merampas 8 lb 12 oz heroin daripada penyeludup dadah itu.

Tadi saya ada menyebutkan Kastam di Malaysia ada bekerjasama dengan Kastam di luar negeri dan seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, satu operasi yang dijalankan oleh Bahagian Pencegahan ini telahpun berjaya merampas 5 lb heroin dari kapal Malaysia iaitu Bunga Orkid di Hamburg. Operasi ini boleh berjaya sebab Kastam di Malaysia telah memberi maklumat kepada Jabatan Kastam di German Barat. Oleh sebab pihak Polis pun ada perhubungan yang rapi dalam perkara ini, walaupun kita tidak boleh menahan penyeludupan di sini, tetapi apabila di luar negeri atas kerjasama dengan kastam di negeri lain, operasi untuk mencegah penyeludupan dadah telah berjaya. Penyeludupan dadah dalam negeri untuk dibawa keluar negeri adalah melalui Kompleks Kastam di Johor Bahru atau di sempadan dengan negeri Thai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tadi saya ada sebut bahawa sekarang kita ada satu Unit Anjing untuk mengesan narkotik yang berpejabat di Kuala Lumpur. Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja pada masa sekarang bercadang hendak menubuhkan dua Unit Anjing lagi, satu bertempat di Pulau

Pinang dan satu bertempat di Alor Setar. Saya telah diberitahu bahawa Pusat Biro Narkotik Australia akan menghadiahkan 4 ekor anjing yang terlatih bagi kegunaan Yunit Anjing Kastam dan Eksais Di Raja pada awal tahun hadapan. Pada masa ini ada 4 orang Pegawai Kastam sedang menghadiri kursus di Front Royal Virginia, Amerika Syarikat untuk mengkaji cara melatih dan menggunakan anjing di dalam tugas mencegah penyeludupan dadah. Apabila mereka kembali ke negara ini mereka akan balik bersama dengan 4 ekor anjing yang terlatih sebagai hadiah daripada Jabatan Kastam Amerika Syarikat untuk negara ini.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sendiri telahpun mengarahkan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja untuk membesarkan lagi rancangan Yunit Anjing Jabatan ini, dan sekiranya perlu, untuk membeli beberapa ekor anjing lagi yang terlatih dari Eropah dan Jerman Barat. Sekiranya perlu, beberapa Yunit Anjing lagi akan ditubuhkan di seluruh Malaysia termasuk satu di Pantai Timur, satu di selatan dan di Sabah. Dengan rancangan ini saya percaya operasi untuk mencegah penyeludupan dadah di negara kita dan di luar negara akan dikurangkan.

Tuan Pengerusi, ada beberapa perkara yang saya tidak dapat jawab, dan saya boleh memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara itu, Kementerian saya akan mengambil perhatian terhadap perkara-perkara itu dan kalau cadangan-cadangan atau teguran-teguran Ahli Yang Berhormat difikirkan berpatutan, Kementerian saya akan laksanakan cadangan-cadangan itu. Sekianlah sahaja jawapan saya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$31,336,900 untuk Maksud B. 31, \$144,367,700 untuk Maksud B. 32, \$662,020,000 untuk Maksud B. 33, \$56,830,000 untuk Maksud B. 34 dan \$45,814,100 untuk Maksud B. 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$358,396,342 untuk Maksud P. 31, \$16,805,724 untuk Maksud P. 34 dan \$400,000,000 untuk Maksud P. 67 disetujui

jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementeriannya.

Maksud B. 36 (Jadual)—

Maksud P. 36 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

5.07 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Pengerusi, saya bangun mengemukakan supaya peruntukan Kementerian Perusahaan Awam bagi tahun 1979—sejumlah \$279,606,530 yang mana \$57,921,100 adalah Anggaran Belanja Mengurus di bawah kepala Bekalan B. 36 dan \$221,685,430 adalah Anggaran Belanja Pembangunan di bawah kepala Pembangunan P. 36 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, tugas-tugas Kementerian ini ialah untuk menyelaras dan mengawasi aktiviti-aktiviti dan perjalanan 20 agensi serta anak-anak syarikat yang telah ditaja oleh agensi-agensinya tersebut dari segi dasar, strategi, program, gunatena dan sebagainya, supaya usaha-usaha mereka ini mencapai matlamat Kerajaan.

Pada keseluruhannya kegiatan-kegiatan tersebut meliputi dua aspek penting, iaitu pembangunan infrastruktur, menyediakan kemudahan-kemudahan dan penyertaan di bidang perdagangan dan perindustrian dari segi penyusunan semula masyarakat.

Lembaga Pelesenan dan Pengangkutan Jalan telah diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian saya. Lembaga ini akan terus digerakkan untuk bertugas bagi menerima dan memproses permohonan bagi mendapatkan permit-permit perniagaan di dalam perkhidmatan pengangkutan. Bagaimanapun usaha-usaha akan dijalankan untuk mengemas dan mempercepatkan lagi sistem memproses permohonan-permohonan bagi permit-permit pengangkutan.

Belanja mengurus bagi menjalankan tugas-tugas di atas di dalam Kementerian termasuk belanja mengurus Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan serta rayuan berjumlah \$2,132,100 adalah dipohon.

Tuan Pengerusi, kegiatan-kegiatan serta peruntukan-peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian saya adalah seperti berikut:

MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Bermula pada bulan Ogos yang lalu satu penyusunan semula organisasi MARA telah dijalankan, ini adalah bertujuan untuk memperkukuhkan lagi usaha pembangunan sosio-ekonomi bagi mengujudkan lebih ramai lagi usahawan-usahawan Bumiputra terutama sekali di dalam perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana di samping melahirkan dan menambah tenaga terlatih. Fungsi pinjaman, khidmat nasihat dan pembangunan enterprises menyediakan ruang-ruangniaga dan aktiviti latihan dan pendidikan disatukan dan diberi tumpuan.

Bagi mengemaskan lagi pengurusan syarikat-syarikat MARA, semua syarikat-syarikat di bawah Bahagian Perdagangan dan Perusahaan akan dikumpulkan dan diletakkan di bawah satu Syarikat Induk. Syarikat-syarikat di bawah Bahagian Kenderaan juga akan diletakkan sepenuhnya di bawah Kumpulan Kenderaan MARA Berhad sebagai Syarikat Induk. Kedua-dua Syarikat Induk ini akan diuruskan secara "businesslike". Adalah diharapkan secara ini usaha-usaha yang dijalankan itu lebih berkesan.

Untuk menjalankan usaha-usaha tersebut di atas perbelanjaan mengurus sebanyak \$47,289,000 dan perbelanjaan pembangunan sebanyak \$111,071,380 diperlukan oleh MARA.

Sebagai melanjutkan usaha menambahkan bilangan tenaga manusia yang terlatih dan mempunyai tingkat kemahiran yang lebih tinggi MARA memerlukan peruntukan sejumlah \$45,489,300.

Di dalam usaha pinjaman, MARA akan menumpukan kepada sektor di mana penyertaan Bumiputra masih kecil ataupun ketinggalan. MARA memerlukan peruntukan

sebanyak \$30 juta bagi menjalankan program ini untuk tahun hadapan.

Menerusi Rancangan Pembangunan Galakan Perusahaan Kecil dan sederhana sejumlah \$5.550 juta adalah diperlukan.

Di dalam aktiviti-aktiviti perdagangan dan perusahaan yang mana MARA terlibat secara langsung, peruntukan pinjaman sejumlah \$41.768 juta adalah dikehendaki untuk kegunaan tambahan ekuiti ataupun pinjaman MARA ke atas anak-anak syarikat. Peruntukan ini termasuk program menyediakan ruangniaga.

Bagi aktiviti-aktiviti kenderaan pula sejumlah \$2.315 juta adalah diperlukan untuk perkembangan usaha-usaha yang dijalankan oleh anak-anak syarikat dengan tambahan ekuiti ataupun pinjaman oleh MARA. Ini juga meliputi projek Kenderaan MARA di luar-bandar di mana projek ini adalah projek sosial yang telah diperuntukkan secara langsung.

Dengan penyusunan semula organisasi MARA, Lembaga Kraftangan Malaysia (LKM) akan dikeluarkan daripada pengurusan MARA dan satu Badan Khusus akan diujud untuk bermain peranan pembangunannya dengan lebih giat dan pesat lagi. Sementara itu Lembaga akan bertanggungjawab terus kepada Kementerian. Urusan pemasaran batik di dalam ataupun di luar negeri akan diberi keutamaan. Langkah-langkah yang dijalankan dari segi meninggikan mutu pengeluaran dan penyelidikan akan terus dimajukan. Pada tahun hadapan peruntukan sejumlah \$3.949 juta di mana \$2.444 juta adalah untuk belanja mengurus dan \$1.505 juta untuk belanja pembangunan adalah dipohon.

LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA (LPN)

Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) pada tahun hadapan memerlukan peruntukan sejumlah \$8,500,000 secara langsung bagi belanja mengurus yang meliputi pentadbiran dan operasi LPN serta penguatkuasaan.

Mulai daripada 1-1-1979, LPN akan mengambil alih Bahagian Pembelian Padi serta Pengilangan dan Bahagian Pemasaran serta Stokpail beras dari Lembaga Padi

Sabah. Dengan pengambilan alih tugas-tugas yang tersebut itu di negeri Sabah bermakna operasi LPN akan menyeluruh ke semua negeri-negeri dalam Malaysia. Tindakan yang pertama yang akan dijalankan oleh LPN kelak ialah bagi menstabilkan harga beras dan harga padi yang berpatutan di negeri Sabah. Sistem pemasaran sebagaimana yang ada di negeri Sabah pada masa sekarang akan dibenarkan berjalan buat sementara waktu sebelum LPN memulakan peraturan-peraturan pelesenan atau sebagainya.

Dari segi pembangunan, Kementerian saya sedang mengambil tindakan-tindakan bagi membolehkan LPN menjalankan kerja-kerja pembinaan gudang beras baru berikutan dengan keputusan Kerajaan menaikkan had paras stokpail beras untuk seluruh negara. Sebahagian daripada peruntukan yang diperlukan pada tahun hadapan akan dipohon di bawah "supplementary" 1979.

PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR (UDA)

Mulai bulan November, 1978, pengurusan UDA juga disusun, di mana Bahagian Pembangunan Usahawan dan Perniagaan diutamakan bagi ditempatkan peniaga bumiputra di ruang-ruangniaga yang telah banyak diwujudkan oleh UDA. Dalam pada itu usaha untuk mengwujudkan tempat-tempat berniaga bagi Bumiputra di dalam usaha pembangunan bandar dan 'urban renewal' akan diteruskan.

Satu bahagian baru, iaitu Bahagian Perancangan telah diwujudkan dengan tugas untuk mengkaji, merancang, menganalisa, mengesan serta menilai kemajuan-kemajuan dan kegiatan-kegiatan pelaksanaan program-program strategi-strategi dan dasar UDA dengan tujuan supaya program-program itu dapat memberi kesan-kesan positif dan dapat mencapai matlamat-matlamat yang telah ditentukan.

Dua syarikat induk akan ditubuhkan untuk mengesan dan menjaga kepentingan-kepentingan UDA di dalam syarikat-syarikat usahasanya, satu untuk mengawal syarikat-syarikat bercorak 'Housing Development' dan satu lagi bagi syarikat-syarikat pembinaan "shopping dan office complexes". Syarikat-syarikat 'servicing industries' dan

'management services' yang telah ditaja oleh UDA akan dikumpulkan di bawah satu bahagian untuk dimajukan dengan lebih giat lagi.

Untuk usaha-usaha tersebut, UDA telah membuat peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak \$11 juta dan kesemuanya ini akan dibiayai oleh UDA sendiri tanpa peruntukan daripada Kerajaan. Di dalam perbelanjaan pembangunan pula peruntukan sebanyak \$109,177,408 telah disediakan dan dari jumlah tersebut peruntukan sebagai pinjaman daripada Kerajaan adalah sebanyak \$10,285,000 sahaja.

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI

Pada tahun hadapan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) memerlukan peruntukan sejumlah \$72,329,000 sebagai pinjaman untuk membiayai aktiviti-aktiviti pembangunan mereka. Aktiviti-aktiviti mereka akan terus ditumpukan kepada pembangunan infrastruktur di negeri-negeri berkenaan dan juga penyertaan di bidang perdagangan dan perusahaan sebagai pemegang amanah dan pendorong kepada penyertaan Bumiputra di sektor ini. Kegiatan-kegiatan Perbadanan-perbadanan ini akan diselaraskan dengan keperluan-keperluan pembangunan di negeri-negeri berkenaan dari segi keutamaan-keutamaan yang ditentukan oleh pihak berkuasa negeri dan juga akan diselaraskan dengan keupayaan PKEN-PKEN dari segi pengurusan dan tenaga kerja.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada agensi-agensy yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat yang memerlukan peruntukan dari Kerajaan.

KUMPULAN FIMA BERHAD

Pada tahun hadapan syarikat Perusahaan Makanan, Kumpulan FIMA Berhad yang dipunyai 100% oleh Kerajaan memerlukan sejumlah \$8 juta untuk meneruskan dan memajukan perusahaan berasaskan pertanian dan makanan. Di antara projek-projek yang sedang dirancang ialah perusahaan kelapa sawit yang disatukan atau 'integrated'.

BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BERHAD (BPMB)

Bank Pembangunan Malaysia Berhad pula memerlukan peruntukan sejumlah \$20 juta untuk tahun 1979 bagi menguruskan kegiatan-kegiatan. Sebahagian besar dari peruntukan ini adalah untuk menampung aktiviti-aktiviti pinjaman kepada pengusaha-pengusaha Bumiputra khususnya terutama di dalam bidang-bidang perkilangan dan pelancungan. Bank Pembangunan akan juga terus menambah pelaburan di dalam beberapa projek-projek perdagangan dan perusahaan yang 'viable', untuk membantu Bumiputra-bumiputra yang mana modal ekutinya agak kekurangan. Penyertaan BPMB ini di dalam bidang ini juga adalah sebagai pemegang amanah kepada bumiputra di dalam usaha menyusun semula masyarakat.

SYARIKAT LIMBONGAN KAPAL DAN KEJURUTERAAN MALAYSIA SDN. BHD.

Peruntukan petanda sebanyak \$10 telah diperbuat untuk Syarikat Limbongan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sdn. Bhd. (MSE) di mana Kerajaan memegang 51% ekuitinya. Ini ialah bagi membolehkan pembayaran penambahan ekuiti Kerajaan yang sedang dirancang oleh Syarikat tersebut dan peruntukan yang tertentu akan dipohon.

Tuan Pengerusi, saya memohon agar Belanja Mengurus dan Pembangunan 1979 bagi Kementerian Perusahaan Awam sejumlah \$279,606,530 yang mana \$57,921,100 adalah Anggaran Belanja Mengurus di bawah Maksud B. 36 dan \$221,685,430 adalah Anggaran Belanja Pembangunan di bawah Maksud P. 36 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan 36 berjumlah \$57,921,100 dan juga Maksud Pembangunan 36 berjumlah \$221,685,430, berjumlah kesemuanya \$279,606,530 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas sekarang.

Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.20 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya hanya berucap mengenai dua tiga perkara atas perbincangan saya mengenai Kementerian Perusahaan Awam.

Tuan Pengerusi, yang pertama saya ingin menyatakan bahawa memandangkan begitu besarnya wang rakyat yang dibelanjakan ke atas Kementerian ini, saya rasa adalah perlu dan penting diadakan suatu kawalan kewangan dan pengurusan yang ketat di semua perbadanan awam seperti MARA, UDA, PKEN dan sebagainya. Langkah-langkah mestilah diambil untuk menentukan bahawa semua wang yang digunakan dengan wajarnya dan menentukan kepada orang-orang yang benar-benar memerlukan dan tidak dirampas oleh orang-orang yang mampu, memandangkan bahawa banyak projek-projek yang dirancang dan dijalankan oleh perbadanan-perbadanan yang telah disebutkan oleh saya tadi. Langkah-langkah mestilah terlebih dahulu diambil untuk menentukan bahawa sama ada projek-projek ini adalah praktik atau tidak. Projek-projek yang tidak praktik atau viable hendaklah dibatalkan.

PKEN sebagai contoh mestilah menceburkan dalam projek-projek yang menguntungkan misalnya kepada golongan-golongan di peringkat bawah dan pertengahan. Dalam hal ini, saya ingin mencadangkan bahawa semua PKEN patut memberi tumpuan kepada projek-projek perumahan misalnya yang tidak mahal kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Pengerusi, memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh Kementerian ini di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru sebagai cara untuk menyusun semula masyarakat kita, saya ingin mencadangkan di sini bahawa kita patut mempunyai satu pentadbiran perniagaan yang kecil seperti yang ditubuhkan di Amerika Syarikat (small business administration) untuk membantu semua peniaga-peniaga kecil dari semua kaum di negara kita.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada P. 36, Butiran 6—Majlis Amanah Rakyat.

Yang Berhormat Menteri dalam ucapannya tadi ada menyatakan bahawa perbelanjaan pembangunan sebanyak \$111 juta lebih diperlukan oleh MARA. Atas perkara ini, suka saya merujuk atau menarik perhatian Dewan ini dan khasnya Menteri yang berkenaan kepada Bangunan Ibupejabat MARA di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur boleh dikatakan Bangunan Ibupejabat MARA itu pada hari ini berada dalam keadaan yang amat dahsyat. Saya fikir Yang Berhormat Menteri sendiri pun sedar bahawa bangunan itu adalah dalam keadaan yang amat buruk, amat rosak, dinding dan silingnya telah retak dan keadaan yang merbahaya telah timbul hingga penyewa-penyewa dan pekedai-pekedainya di situ terpaksa berpindah ke tempat lain.

Tuan Pengerusi, saya berasa amat hairan bagaimana keadaan buruk ini telah timbul, lebih-lebih lagi apabila kita ingat bahawa bangunan tersebut telah dibangunkan atau didirikan kira-kira 10 tahun yang lepas. Apakah yang tersalah dengan Bangunan Ibupejabat MARA ini yang menjadi satu tempat yang mustahak, yang menjadi nadi operasi MARA di negara kita ini. Saya harap Menteri yang berkenaan mengambil berat keadaan ini dan kalau difikirkan perlu, mengadakan satu penyiasatan, adakan satu enquiry tentang bagaimana masalah itu boleh berlaku. Di samping itu saya suka mendapat tahu juga daripada Menteri yang berkenaan, apakah pihak Kementerian akan buat atau apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk masa hadapan Bangunan Ibupejabat MARA ini.

Perkara yang akhir yang ingin saya sentuh di sini ialah mengenai B. 36, muka surat 285, Aktiviti (2)—Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan.

Atas perkara ini, saya suka merujuk kepada perkara pengeluaran lesen-lesen teksi. Sungguhpun pihak Kerajaan telah beberapa kali menyatakan dalam Dewan ini bahawa dasar Kerajaan mengenai pengeluaran lesen-lesen teksi adalah betul dan adil, akan tetapi saya terpaksa menyatakan di sini bahawa sehingga hari ini terdapat banyak sungutan-sungutan khasnya di dalam kawasan saya—Kuala Lumpur Bandar; aduan-aduan, sungutan-sungutan berkait dengan pengeluaran lesen-

lesen teksi kepada pemohon yang layak untuk mendapatkannya. Sungutan itu menyatakan bahawa kebanyakan atau majoriti pemohon-pemohon yang sebenarnya memandu teksi untuk mencari nafkah hidup tidak langsung berjaya dalam permohonan mereka. Kebanyakan mereka (majority) sedangkan mereka yang bukan pemandu teksi telah diberi lesen oleh Lembaga itu.

Tuan Pengerusi, bukanlah tujuan saya untuk membuat satu kenyataan yang tidak berasas, oleh sebab sebagai seorang wakil rakyat yang bertanggungjawab, saya mestilah membuat kenyataan yang berasas dan sekiranya bukti diperlukan, maka saya pun boleh memberikan bukti-bukti itu kepada pihak yang berkuasa dan di dalam tangan saya ini ada permohonan untuk mendapatkan teksi yang telah dibuat oleh beberapa pemandu teksi yang sah (genuine taxi drivers), sungguhpun mereka telah dipanggil untuk di interview banyak kali (memohon banyak kali) dan mereka mempunyai keluarga yang besar dan saya sangat bersimpati dengan mereka, sebab saya memahami keadaan mereka bahawa mereka amat perlukan lesen teksi untuk mencari nafkah, tetapi dukacita sungguhpun mereka itu telah membuat permohonan beberapa kali yang lepas telah dipanggil interview tetapi sehingga hari ini tidak berjaya dan mereka terpaksa menyewa lesen daripada mereka yang bukan menjadi pemandu teksi yang sebenarnya (genuine). Saya harap bahawa oleh kerana kali ini kali pertama pihak Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di bawah tanggungjawab Kementerian Perusahaan Awam, saya harap bahawa Menteri yang berkenaan akan mengkaji dan menyiasat masalah ini dan dapat mengambil langkah sewajarnya untuk memperbetulkan keadaan ini.

Itulah komen-komen yang saya ingin berikan di atas anggaran perbelanjaan yang telah disampaikan oleh Menteri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bharu.

5.28 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Bahru): Tuan Pengerusi, saya ingin membincangkan Maksud P. 36. Pada keseluruhannya, saya menyokong peruntukan

yang dipohon itu tetapi cuma saya ingin memberi pendapat mengenai beberapa perkara khususnya mengenai Butiran 4 iaitu mengenai peruntukan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA).

Saya tidaklah menafikan kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi dan yang dicapai oleh UDA sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1971, memanglah pesat sekali, tetapi oleh sebab UDA telah berkembang dengan begitu pesat sekali, maka terdapatlah beberapa kekurangan, yang haruslah pihak Kementerian membuat analisa yang mendalam khususnya dari segi pentadbirannya. Oleh sebab setakat ini, saya percaya sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1971 tidak pernah pihak Kementerian "brake" sedikit tentang usaha perkembangan UDA dan mengkaji samada kejayaan-kejayaan yang diperolehi oleh UDA itu setimpal dengan peruntukan yang begitu banyak yang telahpun diperuntukkan kepada perbadanan itu. Oleh itu saya menyokong cadangan yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri, iaitu satu Jawatankuasa atau Jabatan telahpun ditubuhkan untuk mengkaji segala-segala pencapaian UDA setakat ini dan khususnya saya ingin mengesyorkan di sini supaya pihak Kementerian juga mengkaji atau memperlakkan sistem pentadbiran Ibu Pejabat UDA sendiri. Memanglah kepada semua yang pernah berhubung dengan Ibu Pejabat Uda ini terdapat berbagai-bagai kekurangan dalam sistem pentadbiran yang diamalkan oleh Perbadanan ini dan kalaulah pentadbiran ini tidak dilicinkan secepat mungkin, nescaya banyak lagi projek-projek yang akan dijalankan oleh UDA ini akan gagal.

Kedua, saya beralih kepada Butiran 6 (v)—Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprais.

Pada pendapat saya, Pejabat Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprais memanglah tersangat penting. Kalau kita lihat dari tujuan Kementerian ini memang besar sekali, memang boleh kita menganggap bahawasanya Kementerian Perusahaan Awam ini merupakan teras dalam usaha-usaha untuk membangunkan masyarakat kaum bumiputra. Misalnya, tujuan Kementerian Perusahaan Awam ialah untuk memastikan

matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam bidang perdagangan dan perusahaan khususnya untuk orang-orang Melayu dan bumiputra yang lain yang diamanahkan kepada Perbadanan-perbadanan awam iaitu MARA, UDA, LPN, FIMA, Bank Pembangunan dan 13 Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri mencapai kejayaan. Ini adalah satu objektif yang terlalu besar dan di dalam usaha untuk menentukan bahawa segala pertolongan yang diberi kepada usahawan-usahawan bumiputra itu berjaya, maka Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprais ini tersangat penting. Malangnya tiap-tiap usaha terhadap memastikan yang tiap-tiap peniaga dan usahawan bumiputra ini berjaya adalah dipertanggungjawabkan kepada berbadanan masing-masing. Misalnya, kalau seseorang itu pergi meminta pinjaman dari MARA, maka MARA lah akan cuba membuat khidmat-khidmat follow-up supaya peniaga itu berjaya. Begitu juga kalau seseorang itu pergi ke UDA, UDA pula akan cuba berusaha supaya peniaga ini berjaya. Kalau ke LPN, begitu juga. Saya percaya sudah sampai masanya pihak Kementerian memikirkan bagaimana semua kegiatan-kegiatan follow-up ini dapat diselaraskan di bawah satu pejabat dan saya percaya Jabatan Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprais di bawah MARA inilah merupakan satu jabatan yang seelok-eloknya untuk menjalankan kerja ini.

Saya ingin memberikan beberapa contoh mengenai overlapping dalam khidmat nasihat ini. Misalnya, kalau seseorang itu hendak membuat sesuatu perniagaan pengedaran, ianya akan pergi mendapatkan pinjaman dari MARA dan MARA akan cuba memberi sedikit sebanyak khidmat nasihat. Untuk mendapat bangunan pula, mereka ini akan pergi ke UDA dan UDA pula akan cuba sedikit sebanyak memberikan pertolongan bimbingan. Kadang-kala tidak ada penyelarasan dan oleh sebab tiap-tiap perbadanan ini menjadikan tanggungjawabnya untuk menjayakan peniaga-peniaga bumiputra tersebut, jadi tumpuannya kurang sedikit. Tetapi kalau tugas-tugas ini kita berikan khas kepada satu badan sahaja, maka sudah tentulah ianya akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi. Begitu juga kalau kita panjangkan masalah ini, LPN pula ada peniaga-peniaga beras dan padinya dan LPN

pula memberi khidmat nasihat dan juga pembangunan enterprais dan kadang-kala pinjaman itu dibuat oleh MARA maka MARA juga akan mencampurtangan dalam hal ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Saya ingin mengesyorkan di sini supaya pihak MARA menubuhkan suatu Pusat Latihan untuk memberi Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprais kepada semua peniaga-peniaga bumiputra dan juga usahawan bumiputra yang mendapat bantuan-bantuan dari semua perbadanan-perbadanan di bawah Kementerian Perusahaan Awam ini. Saya fikir seelok-eloknya biarlah pusat latihan yang tetap ini diletakkan di bawah Jabatan Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprais, MARA. Pusat latihan yang saya syorkan ini adalah merupakan sedikit sebanyak seperti pusat latihan INTAN yang ditubuhkan oleh Kerajaan Federal untuk memberi latihan kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Saya percaya kalaulah MARA atau Kementerian Perusahaan Awam dapat menubuhkan pusat latihan ini, dapatlah kita selaraskan semua masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga dan juga usahawan-usahawan bumiputra yang dapat bantuan dari semua perbadanan-perbadanan di bawah Kementerian Perusahaan Awam ini.

Pada masa ini kita terdapat juga ditiap-tiap Kementerian, misalnya Kementerian Kerja Raya di mana pemborong-pemborong JKR mendapat sedikit sebanyak bantuan bimbingan dari Kementerian tersebut. Begitu juga mengenai usahawan-usahawan yang diberi bantuan atau pun mendapat bantuan dari Bahagian Penyertaan Bumiputra, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Semua mereka ini, yang mendapat bantuan dari jabatan-jabatan ini, dari segi follow-upnya, adalah kurang sekali. Tetapi kalau misalnya diadakan pusat latihan yang saya sebutkan tadi, bolehlah segala masalah-masalah yang dihadapi oleh semua peniaga-peniaga dan juga usahawan-usahawan bumiputra dapat diselaraskan. Pusat latihan yang saya syorkan ini haruslah dilengkapi betul-betul seperti juga pusat latihan INTAN yang disediakan oleh Kerajaan untuk melatih pegawai-pegawai Kerajaan, eloklah diadakan suatu bangunan yang sesuai, pegawai-pegawai dan latihan

yang sesuai dan juga peruntukan yang cukup untuk memberi segala kemudahan-kemudahan yang perlu supaya tiap-tiap latihan itu dapat dijalankan dengan penuh berkesan.

Itulah sedikit sebanyak pendapat saya mengenai Kementerian ini.

5.38 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun hendak menyokong peruntukan Kementerian Perusahaan Awam—B. 36 dan P. 36.

Dalam pada itu, sukacita saya hendak menarik perhatian Menteri yang berkenaan kepada Butiran 1100, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am; Aktiviti (2)—Lembaga Pelesenan dan Pengangkutan Jalan dan dalam P. 36, Butiran 6 (v)—Khidmat Nasihat dan Pembangunan Enterprais.

Dalam perkara ini sama ada Menteri sedar atau tidak, iaitu kedudukan penjaja-penjaja kecil dan peniaga-peniaga kecil bumiputra khasnya dalam negara kita sehingga hari ini tidak ada mempunyai bapa yang bertanggungjawab, walaupun mereka mempunyai bentuk persatuan. Apabila saya tengok butiran-butiran dari segi MARA, UDA dan sebagainya seperti yang telah disebutkan oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Kulim—Bandar Bahru; semuanya ada kaitan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh penjaja dan peniaga-peniaga kecil bumiputra khasnya di dalam negara kita.

Untuk menyokong cadangan, syor-syor yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru, saya mencadangkan Kementerian ini mewujudkan satu dasar kebangsaan bagi mengendali dan memberikan perhatian kepada peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja kecil ini. Sebab masalah ini tidak dapat dinafikan tidak ada satu penyelarasan (centralised system) yang mana penjaja-penjaja boleh mendapat satu maklumat tertentu dan lengkap untuk menjalankan sesuatu perusahaan.

Lembaga Nasihat dan Khidmat Pembangunan ada diwujudkan dalam MARA hampir-hampir serupa juga diwujudkan dalam UDA, tetapi Jabatan Khidmat Nasihat ini tidak ada penyelarasan dan ini akan

menyulitkan peniaga-peniaga. Baharu-baharu ini, Pengerusi Bahagian Perniagaan Peringkat Kebangsaan telah mencadangkan supaya pihak Kerajaan kita mewujudkan satu dasar kebangsaan dan setelah wujud dasar kebangsaan ini saya juga mencadangkan Kementerian ini bertanggungjawab dan meletakkan masalah kedudukan penjaja dan peniaga-peniaga kecil ini di bawah Kementerian Perusahaan Awam dan Kementerian Perusahaan Awam menubuhkan satu jabatan tertentu sebab Kementerian Perusahaan Awam ini nampaknya gambarnya sebagai bapa yang mempunyai banyak anak di seluruh negara Perbadanan Kemajuan Negeri ini semuanya Kementerian ini nampaknya yang menjaga. Dan peniaga-peniaga di seluruh negara di peringkat negeri pun mempunyai harapan dan pandangan kepada Kerajaan Negeri melalui usaha-usaha Perbadanan Kemajuan Negeri. Jadi telah tepatlah dan kena pada tempatnya Kementerian Perusahaan Awam sepatutnya bertanggungjawab mewujudkan satu jabatan bagi mengurus masalah-masalah penjaja dan peniaga-peniaga kecil yang sentiasa laparkan bermacam-macam bantuan dan khidmat nasihat.

Kementerian ini juga bertanggungjawab bagi mengubalkan satu dasar kebangsaan bagi menghadapi masalah penjaja dan peniaga-peniaga kecil yang saya sebutkan tadi dan dengan adanya Kementerian ini yang bertanggungjawab dapatlah kita menyusun semula ataupun menyusun balik keadaan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil kita yang ada pada hari ini kita menubuhkan berbentuk persatuan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan, dan kita tidak mahu melalui persatuan penjaja dan peniaga kecil ini ada orang-orang yang tidak bertanggungjawab kelak akan menyalahguna dan mengambil kesempatan untuk kepentingan diri dan ini akan merosakkan hasrat Kerajaan kita yang telah memberi latihan dan sokongan kepada penjaja-penjaja kecil selama ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.45 ptg.

Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya bangun menyertai bersama di dalam perbincangan berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Awam berhubung

dengan B. 36 dan P. 36 yang berjumlah peruntukannya \$279,606,530 ini supaya diluluskan pada hari ini. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana semenjak Menteri ini mengambil alih Kementerian tersebut segala penyusunan telah dicuba dan sedang dicuba dan akan berlaku di dalam segala Badan-badan Berkanun yang di bawah Kementerian ini yang mana saya percaya dengan adanya penyusunan ini Kementerian ini akan beroleh kejayaan supaya maksud-maksud yang dinyatakan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru tadi akan tercapai.

Tuan Pengerusi, merujuk saya kepada P. 36 muka surat 287, Butiran 4 berkenaan dengan Perbadanan Pembangunan Bandar yang berjumlah peruntukan diminta sebanyak \$10,285,000 di dalam Majlis ini. Ingin saya menyatakan bahawa UDA adalah satu perbadanan yang mengambil peranan yang penting dengan tugas-tugas tertentu diberi kepada perbadanan ini dan saya ucapkan berbilang terima kasih kepada UDA kerana perjalanan UDA daripada mula ditubuhkan hingga sekarang adalah berlainan. Pada mulanya UDA ditubuhkan segala tugas-tugas hanya ditumpukan di bandar Kuala Lumpur tetapi akhir-akhir ini peranan UDA dinikmati sama oleh rakyat di kawasan lain daripada Kuala Lumpur dengan tertubuhnya sebuah syarikat bersama di antara UDA dan Perbadanan Kemajuan Negeri yang dinamakan PERUDA, ini adalah peranan yang perlu dipuji dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, dalam penyusunan UDA pada hari ini saya dapati UDA diibaratkan seperti keretapi yang sedang berjalan dengan tidak ada kepalanya maka ini perlu diambil perhatian oleh Menteri yang berkenaan kerana ada ingatan saya pada hari ini UDA tidak ada Pengerusinya. Maka oleh yang demikian, saya harap kerana Pengerusi UDA yang lama telah bersara dan Pengerusi baharu perlu dicari, jadi UDA tidaklah memadai dengan adanya seorang Timbalan Pengerusi, patutlah ada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan sebagainya supaya perbadanan ini boleh berjalan dengan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap perkara itu di bawah Maksud B. 36, tidak bolehlah di bawah P. 36 (Pembangunan) kalau mengenai perbelanjaan mengurus.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Pengerusi, saya bercakap berkenaan UDA.

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi kalau jawatan Pengerusi dan sebagainya itu di bawah Belanja Mengurus, Butiran 1100.

Tuan Hashim bin Endut: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Selain daripada itu; saya tinggalkan UDA dan saya balik kepada muka surat 288, Butiran 6—Majlis Amanah Rakyat.

Ingin saya menyentuh perkara Majlis Amanah Rakyat, Butiran 6 (i) (c) Maktab Rendah Sains (Junior Colleges). Kita perlu beri ucapan terima kasih kepada peranan yang dimainkan oleh Maktab Rendah Sains MARA yang mana semenjak ianya ditubuhkan sehingga ke hari ini Maktab ini mencapai kejayaan yang cemerlang dengan keputusan-keputusan yang didapati dengan kelulusan LCE dan MCE iaitu tiap-tiap kali kita tengok seratus peratus. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru kepada Majlis Amanah Rakyat ini supaya membanyakkan lagi Maktab Rendah Sains, biarlah ada di semua negeri di dalam Malaysia ini.

Begitu juga saya suka menarik perhatian di dalam Butiran yang sama, pecahan (d)—Institusi Kemahiran MARA. Kita dapati banyak pada masa ini murid-murid yang lulus LCE tidak dapat menyambung pelajaran mereka di maktab-maktab lain, maka mereka ini masih muda untuk menempuh masa hidup di dalam dunia yang serba ragam pada masa ini. Mereka ini perlu dilatih, perlu dipimpin, perlu diberi pelajaran yang secukup-cukupnya.

Tuan Pengerusi, peranan yang dimainkan oleh Instituti Kemahiran MARA ini adalah sangat penting dari segi menolong penuntut-penuntut yang tidak dapat menyambung pelajaran di tempat lain terutama sekali peranan melatih menjadikan belia-belie, murid-murid ini menjadi kontrektor-kontrektor yang mahir, sepertimana yang dijalankan di Sungai Petani. Apabila mereka ini tamat daripada Instituti Kemahiran MARA, perlu juga MARA membimbing mereka ini melalui khidmat penasihat MARA supaya mereka ini boleh menubuhkan syarikat sendiri dengan ada bimbingan MARA, kerana mereka ini masih muda dan masih kurang pengalaman. Pimpinan mereka ini supaya

menjadi pemborong-pemborong yang terlatih dan juga yang terpinjin.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Butiran 6 juga pecahan (ii)—Perdagangan dan Perusahaan. Kita dapati yang telah lalu banyaklah projek-projek, syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh MARA ini kurang mendapat keuntungan dan sebagainya dan ada di antaranya terpaksa ditutup. Itu tidak lain dan tidak bukan kerana kita kurang menjalankan kajian dan siasatan sebelum syarikat-syarikat itu ditubuhkan dan saya percaya dengan adanya janji yang dibuat oleh Menteri berkenaan tadi segala projek-projek ataupun segala syarikat-syarikat dengan tertubuhnya dua syarikat induk di dalam MARA itu kita berharap segala projek-projek ataupun segala syarikat-syarikat yang akan ditubuhkan oleh MARA ini akan beroleh kejayaan.

Tuan Pengerusi, Khidmat Penasihat MARA ini adalah sangat penting, kerana inilah satu-satunya Bahagian yang boleh membimbing, mengajar dan menunjukkan supaya lebih ramai lagi kaum Bumiputra dapat mencapai kejayaan di dalam perniagaan ataupun perusahaan yang mereka jalankan. Oleh yang demikian, Bahagian Khidmat Penasihat ini, saya percaya walaupun di susun baru-baru ini dan dengan ada susunan itu, kita percaya pegawai-pegawai itu dapat bekerja dengan sempurna dan teratur.

Tuan Pengerusi, di dalam menyusun Bahagian Khidmat Penasihat MARA ini, sudah tentu perkara-perkara kenaikan pangkat dan sebagainya akan ditimbulkan. Di dalam soal kenaikan pangkat ini, saya dapati harus pihak Kementerian mengawasi supaya kenaikan pangkat itu biarlah adil. Janganlah kita berpegang kepada satu faktor semata-mata iaitu faktor yang dikatakan merit. Faktor seniority ataupun lama bekerja patutlah diberi sama, kelulusan patutlah ditimbang sama dan saya percaya kalau semua faktor-faktor ini diambil beratkan, insya Allah pegawai-pegawai di dalam Bahagian Khidmat Penasihat ini akan dapat bekerja dengan lebih dedikasi lagi.

Tuan Pengerusi, dalam Maksud yang sama iaitu pecahan (iv)—Pinjaman. Bahagian Pinjaman ini adalah satu bahagian yang sedang

memberi bantuan kepada peniaga-peniaga Bumiputra tetapi apa yang saya hendak sentuh di sini tidak lain dan tidak bukan kerana pinjaman-pinjaman yang diberi oleh MARA pada hari ini sungguhpun ada polisipolisi yang dapat menolong rakyat khususnya rakyat Bumiputra tetapi lambat rakyat boleh dapat. Dan soal beri pinjaman ini yang saya berasa kurang puashati sedikit yang saya telahpun tegur di dalam ucapan dasar saya dahulu berkenaan dengan publisiti yang dibuat oleh pegawai-pegawai daripada MARA ini.

Saya minta kalau boleh publisiti ini janganlah dibuat oleh sebarang orang, biarlah publisiti ini dibuat oleh pihak Ibupejabat MARA sendiri. Kerana sebagai contohnya, saya ada terbaca dalam akhbar *Utusan Malaysia* keluaran 21-11-1978 yang dibuat publisiti oleh seorang pegawai MARA Negeri, mengatakan pinjaman diberi kepada pemborong tidak payah ada cagaran, hanya memadai dengan ada penjamin daripada pegawai Kerajaan yang pendapatannya tidak kurang daripada \$400 tiap-tiap seorang. Kalau seorang penjamin pun boleh diterima oleh MARA dengan syarat pegawai Kerajaan itu mestilah bergaji tidak kurang daripada \$800. Jadi publisiti yang serupa ini, yang saya tegur di dalam ucapan dasar saya dahulu, inilah satu publisiti yang mana seperti saya kata publisiti "Ayam bertelur sebiji, dia berketak hingga sekampung."

Publisiti serupa ini, saya ingin menarik perhatian dalam Dewan yang mulia ini, orang-orang lain berasa marah, kerana MARA dapat menolong Bumiputra dengan begitu mudah, tetapi kalau kita kaji semasak-masaknya, manakah pegawai Kerajaan yang pendapatannya \$400 ingin menjamin seorang peminjam, seorang pemohon daripada MARA supaya dia boleh dapat pinjaman daripada MARA \$10,000. Saya agak tidak ada pegawai Kerajaan yang akan tampil ke hadapan yang hendak menjamin. Apatah lagi kalau seorang itu dia seorang hendak jamin yang gajinya \$800 hendak jamin seorang yang betul-betul dia kenal, dia biasa ataupun ada hubungan keluarga dengan beliau, saya percaya dia tidak akan beri jaminan tersebut kerana dia ada tanggungjawabnya sendiri dan tidak ada pegawai Kerajaan yang sanggup hendak berbuat demikian. Kalaulah itu menjadi dasar

MARA maka dasar itu perlu disusun semula, dirombak semula supaya lebih praktikal dan boleh dipraktikkan jikalau hendak memberi pinjaman kepada kaum Bumiputra. Ini saya pandang serius. Biarlah kita memberi pinjaman, saya bercakap balik berkenaan cheap publicity yang dibuat oleh pegawai-pegawai ini supaya perkara yang serupa ini jangan dibuat lagi oleh pegawai-pegawai peringkat rendah, biarlah dibuat oleh pihak Ibupejabat dan orang yang bertanggungjawab. Biarlah publisiti itu dibuat kena pada tempatnya dan betul dengan tujuan dan hasratnya.

Tuan Pengerusi, saya tidaklah ingin hendak bercakap panjang berkenaan dengan perkara ini, cuma saya serulah kepada pihak MARA ini supaya segala pinjaman-pinjaman itu boleh dicepatkan, sungguhpun saya tahu pegawai MARA ini diberi kuasa untuk meluluskan pinjaman, tetapi kadang-kadang pinjamannya lulus oleh kerana administrative red-tape di antara Negeri dan Pusat, kadang-kadang pinjamannya lulus oleh kerana administrative red-tape di antara Negeri dan Pusat, kadang-kadang lepas 2 bulan, 3 bulan ataupun ada setengahnya sampai 6 bulan pinjaman diluluskan tetapi wang pinjaman sebenarnya tidak boleh diterima, kerana imprest daripada MARA Pusat dan MARA Negeri, ada kalanya lambat datang. Kalau boleh tolonglah perkara ini diberi perhatian sedikit supaya hari ini lulus, seminggu depan dia boleh terima wang itu.

Tuan Pengerusi, oleh kerana saya berjanji tidak hendak bercakap panjang di dalam perkara ini, saya dengan ini menyokong penuh di atas peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perusahaan Awam ini yang jumlahnya sebanyak \$279,606,530 ini supaya diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau. Dan setelah Yang Berhormat meneruskan, saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 6.15 petang.

6.00 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perusahaan Awam di bawah Maksud 36 yang berjumlah \$279.2 juta.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh P. 36, Butiran 1—Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri. Kalau kita lihat tujuan ditubuhkan PKEN-PKEN ini ianya ditubuhkan dengan objektif untuk memastikan matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam bidang perdagangan dan perusahaan khususnya untuk orang Melayu dan bumiputra yang lain mengambil bahagian yang lebih aktif dalam bidang ekonomi. Dan dengan objektif untuk menentukan supaya 30% kegiatan ekonomi pada tahun 1990 hendaklah di dalam tangan bumiputra atau orang Melayu.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai dasar yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang.

Kita tahu bumiputra di Pulau Pinang tersangat jauh ketinggalan di dalam bidang ekonomi. Tidak sampai 2% bumiputra di Pulau Pinang yang mengambil bahagian di dalam ekonomi. Saya yakin boleh dikatakan hampir kesemua Ahli-ahli dalam Dewan ini sudah melawat negeri Pulau Pinang dan Bandaraya George Town. Bagi kita hendak melihat kedai orang Melayu 5 buah pun susah dapat dalam Bandaraya Pulau Pinang atau George Town. Jadi pihak bumiputra di Pulau Pinang sangat mengalu-alukan penubuhan Perbadanan Kemajuan Negeri ini. Segala rancangan yang dibuat oleh Perbadanan Kemajuan Negeri ini, pada pandangan bumiputra dan orang Melayu khususnya adalah semata-mata diberi kepada orang Melayu supaya dalam tahun 1990 lebih kurang 12 tahun lagi sekurang-kurangnya 30% dapat kita bergiat di dalam bidang ekonomi.

Tetapi apa yang berlaku sekarang, Tuan Pengerusi, 100% pembangunan yang dibuat di Pulau Pinang oleh Perbadanan Kemajuan Negeri ini hanya 30% sahaja kepada bumiputra. Jadi sampai bila bumiputra boleh dapat 30% kegiatan ekonomi itu. Sepatutnya bukan 30% seboleh-bolehnya 120%. Apa-apa juga kemajuan yang dibuat oleh PDC atau Perbadanan Kemajuan Negeri ini hendaklah diberi kepada bumiputra untuk mengejar kemajuan yang sudah di buat oleh orang yang bukan bumiputra.

Cuba mari kita lihat sebagai contoh. Sekarang orang Melayu hanya 2% dalam

bidang ini di negeri Pulau Pinang. 98% lagi bukan Melayu. Jadi kalau PDC membuat satu projek 100%, diberi kepada bumiputra 30%, 70% lagi kepada bukan bumiputra—ini tidak lojik. Ini sudah tentu hasrat Kerajaan supaya 30% bahagian ekonomi dalam negara kita dicapai oleh bumiputra Pulau Pinang, mustahil! Saya katakan, mustahil akan dicapai. Kalau diberi 200% pun, saya fikir tidak mungkin kita boleh capai 30% keseluruhan bahagian ekonomi bumiputra Pulau Pinang boleh capai. Saya fikir mustahil!

Dalam hubungan ini, Tuan Pengerusi, saya sangat-sangat berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat mengkaji semula pinjaman-pinjaman yang diberi kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Pulau Pinang ini.

Dalam laporan Soal Jawab Yang Berhormat Menteri semalam, saya masih ingat salah satu perbadanan kemajuan negeri yang mendapat banyak pinjaman daripada Kerajaan Pusat ialah Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang. Kalau saya tidak silap \$70 juta. Yang pertama, negeri Yang Berhormat Menteri sendiri iaitu negeri Trengganu \$80 juta. Saya masih ingat. Yang kedua, Pulau Pinang.

Tetapi kalau dengan dasar yang berjalan sekarang, saya tidak nampak barangkali saya bukan ahli ekonomi, dan saya sudah bertanya banyak ahli-ahli ekonomi lain. Saya sudah adakan perbincangan-perbincangan dengan Pensyarah-pensyarah Ekonomi dari Universiti Sains Malaysia. Mereka kata, sampai kiamat pun hasrat Kerajaan untuk melihat 30% khususnya bumiputra di Pulau Pinang hendak bergiat di dalam bidang ekonomi ini tidak akan tercapai.

Saya haraplah Yang Berhormat Menteri akan menggunakan jasa baiknya meminta Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Pulau Pinang supaya memberi segala projek-projek yang dibuatnya itu sekurang-kurangnya 70% kepada bumiputra. Lagi sekali saya tegaskan, sekurang-kurangnya saya katakan 70% daripada setiap projek yang dibuat oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Pulau Pinang itu hendaklah diberikan kepada bumiputra. Kalau tidak, sis-sia sahaja pihak Kerajaan menubuhkan Perbadanan ini dan sia-sia sahaja pihak Kerajaan Pusat memberi bantuan yang begitu banyak kepada

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Pulau Pinang. Kita bukan iri hati. Kita bukan cemburu kepada orang-orang yang bukan bumiputra di negeri Pulau Pinang. Sebenarnya pihak bumiputra tidak pernah mengganggu, tidak pernah ada hasrat bumiputra di sana untuk merebut peluang-peluang yang telah ada dalam tangan orang-orang bukan bumiputra. Tetapi ini adalah hasrat Kerajaan sendiri.

Sebelum saya mengakhiri masalah ini, saya harap Yang Berhormat Menteri akan dapat menggunakan jasa baiknya menentukan bahawa setiap projek yang dibuat oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang hendaklah sekurang-kurangnya 70% diberi kepada bumiputra khususnya orang Melayu.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh P. 36, Butiran (6)—Maktab Rendah Sains MARA.

Kepada Yang Berhormat Menteri, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana beliau telah berjanji akan mendirikan sebuah Maktab Rendah Sains MARA dalam kawasan Balik Pulau iaitu kawasan saya. Pihak rakyat di sana menyampaikan terima kasihnya kepada Yang Berhormat Menteri dan kepada Kerajaan Pusat. Kita harap Maktab itu akan memberi khidmat yang cemerlang dan memberi sumbangan khususnya kepada Bumiputra di Pulau Pinang.

Saya suka juga menyentuh, B. 36, Butiran 1100, Aktiviti (2)—Lembaga Perlesenan Pengangkutan Jalan.

Saya dengar angin-angin (rumours) mengatakan dasar pengeluaran permit teksi ini akan diubah. Ada cadangan yang menyatakan akan diberi kepada orang perseorangan dan keutamaan akan diberi kepada pemandu teksi. Saya ucapkan syabas kepada Menteri yang berkenaan dan pegawai-pegawainya. Ini adalah hasrat Kerajaan untuk memberi permit teksi ini kepada orang yang memandu teksi. ini adalah satu cadangan yang baik dan satu tindakan yang sangat wajar.

Apa yang hendak saya timbulkan di dalam Majlis ini, ialah masalah tukar Menteri, tukar dasar. Bila bertukar sahaja Menteri, bertukarlah dasar Kerajaan. Saya tidaklah berasa marah mengenai penukaran dasar ini. Pada

masa Menteri yang lama iaitu Datuk Abdul Ghani Gilong telah dibuatkan dasar, sesiapa yang ingin memohon permit teksi hendaklah menubuhkan syarikat. Permit teksi akan diberi keutamaan kepada syarikat-syarikat kerjasama atau koperatif. Di tempat saya ada 10 koperatif sudah ditubuhkan, susah payah berperang dengan Pendaftar Syarikat Kerjasama sebab pendaftar ini kata kalau boleh syarikat kerjasama atau koperatif yang kecil-kecil hendaklah disatukan, tidak mahu banyak-banyak, tetapi dengan hasrat untuk hendak mendapatkan permit teksi ini lebih daripada 10 koperatif telah ditubuhkan. Saya juga telah datang berulang-alik ke Kuala Lumpur ini berjumpa Pengarah Syarikat Kerjasama untuk menubuhkan koperatif-koperatif ini. Tiba-tiba kita dengar apabila Yang Berhormat Menteri baru ini memegang jawatan polisinya ditukar hendak diberi kepada orang perseorangan, kepada koperatif tidak akan ditimbangkan. Saya tidak bantah cara pemberian permit teksi ini kepada orang perseorangan—saya tidak bantah sama sekali. Tetapi saya harap Yang Berhormat Menteri akan menimbang bekas-bekas ahli Pasukan Keselamatan yang telah bersusah payah bergadai, bergolok untuk menubuhkan sebuah syarikat kerjasama ini patutlah ditimbangkan dan diberi kepada mereka ini.

Saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri mengenai orang-orang dan pemandu-pemandu teksi yang sudah mendapat permit teksi. Saya faham dan tahu benar-benar tujuan Kerajaan hendak memberi permit teksi ini kepada pemandu teksi, hasratnya saya tahu, supaya pemandu teksi ini boleh mendapat pendapatan yang agak lumayan, mereka tidak akan ditekan oleh orang-orang tengah. Tetapi pengalaman saya sendiri sebagai Wakil Rakyat 10 orang pemandu teksi ini telah saya recommend, telah saya berulang pergi jumpa Menteri buat surat, sembah kata orang, 10 orang ini dapat permit teksi, mereka ini sudah memandu teksi lebih daripada 15 tahun, bila dapat permit mereka memanggil saya, buat kenduri, seronok saya makan. Tetapi dua bulan selepas dia mendapat permit teksi saya tengok dia pagi-pagi jalan, saya tanya pergi mana? Morning walk. Morning walk pula, dahulu saya tidak pernah tengok morning walk

Tuan Pengerusi: Ini tidak termasuk dalam Butiran ini (*Ketawa*).

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ada, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Teruskan!

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Jadi saya tanya mana teksi? Saya sudah memandu teksi lama lebih 20 tahun, sekarang sudah mendapat permit, saya sewa sahaja, \$100 sebulan saya dapat. Driver yang memandu teksi itu mengatakan dengan mendapat permit teksi itu seolah-olah dia dapat pencen, tidak payah bekerja dapat \$100 sebulan. Dia pula menjadi orang tengah dan driver yang memandu teksi tadi kena bayar kepadanya \$25 sehari.

Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji balik, kalau mahu butir-butir lanjut saya sedia beri, bila-bila masa ada dalam beg saya ini: nama, permit teksi yang dia dapat dan dia sewa kepada orang lain. Saya haraplah Yang Berhormat Menteri boleh menimbang perkara ini. Saya sendiri yang menjadi penasihat 2-3 buah syarikat kerjasama di sana sangat-sangat berharap supaya ahli-ahli koperatif ini akan dipertimbangkan permohonan mereka untuk mendapat permit teksi, sebab syarikat sudah ditubuhkan dan kalaulah mereka ini tidak dipertimbangkan sia-sia sahajalah mereka bersusah payah, ini juga kerana mereka mendengar dan menurut nasihat Kementerian yang berkenaan. Selain daripada itu, boleh dua minit lagi?

Tuan Pengerusi: Ya, sebenarnya sudah terlebih, 10 minit, daripada semalam, tinggal lagi hari ini, saya tidak ulang.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Saya cuba ringkaskan. Dalam Butiran yang sama, Aktiviti (2) iaitu Pengeluaran Permit Bas Kilang. Dalam kawasan saya Free Trade Zone Area (FTZA) ini ialah kawasan Kilang Letronik yang utama di Malaysia ini. Lebih kurang 40 buah kilang Letronik dengan 30,000 orang pekerja-pekerja kilang—ramai sekali. Banyaklah pengeluaran permit Bas Kilang ini dikeluarkan kepada bekas ahli Pasukan Keselamatan. Pada mulanya seronok saya tengok ramai orang-orang Bumiputra ini masuk bergiat dalam bidang transport. Tetapi dukacita perkara ini berjalan 6 bulan sahaja, lepas itu semua bas-basnya tersadai. Bila saya tanya soal dan risik-risik mengapa perkara ini berlaku. Jawapan daripada pemegang-pemegang permit Bas Kilang tadi dan tuantuan punya Bas Kilang yang terdiri daripada

bekas-bekas ahli Pasukan Keselamatan tidak ada penumpang yang mereka hendak bawa. Saya kata ada 30,000 pekerja dalam ini tidak boleh dapat 20 atau 30 orang? Tidak, jawab mereka. Sistem yang dijalankan oleh Manager Kilang Letronik ini ialah sistem tender, dia mengeluarkan tender untuk hendak membawa penumpang ini. Malangnya pada hari ini banyak orang tengah yang sanggup memberi apa sahaja kepada Manager-manager Kilang Letronik ini untuk mendapat tender itu.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat Menteri hendak menjawab.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Sekian sahaja, walau bagaimanapun saya menyokong dan saya harap masalah Permit Bas Kilang ini kalau boleh dihadkan dan diberi keutamaan kepada bekas-bekas ahli Pasukan Keselamatan. Kalau dikeluarkan macam sekarang ini saya nampak bekas-bekas Pasukan Keselamatan tidak akan dapat hidup dengan Permit Bas Kilang ini.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya membahaskan belanjawan yang diminta oleh Kementerian Perusahaan Awam.

6.16 ptg.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Kulim-Bandar Bahru, Setapak, Ulu Muda dan Balik Pulau di atas sokongan-sokongan mereka kepada permohonan yang telah saya pohonkan tadi. Di samping itu saya suka juga mengucapkan terima kasih di atas perhatian mereka berhubung dengan kawalan-kawalan kewangan dan pengurusan-pengurusan, badan-badan di bawah Kementerian saya. Ini memanglah menjadi dasar kita untuk meneliti dari satu masa ke satu masa di atas perkembangan-perkembangannya supaya pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh badan-badan ini dan juga perbelanjaan-perbelanjaan operasinya akan dapat mencapai matlamat-matlamat yang diperjuangkan oleh Kerajaan. Sebab itulah di dalam penyusunan kita, UDA dan MARA di Jabatan-jabatan dijual khusus untuk menilai segala strategi-strategi dan juga program-program yang akan dilaburkan dan tiap-tiap projek yang akan diusahakan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan satu perkara berhubung dengan small business administration yang katanya ada di Amerika. Memang kita telahpun ada satu council berhubung dengan perusahaan-perusahaan kecil dan council ini ditempatkan di bawah FIDA iaitu di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Begitu juga perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak berhubung dengan penjaja-penjaja, perkara-perkara ini juga sekarang ini diselaras di bawah Jabatan Perdana Menteri sendiri.

Di dalam penyusunan MARA tumpuan-tumpuan khusus akan dibuat kepada perusahaan-perusahaan kecil dan perusahaan-perusahaan sederhana. Ini juga akan diselaras dengan usaha-usaha pembangunan usahawan yang akan diusahakan di bawah UDA yang mana tumpuan-tumpuan tertentu akan dibuat supaya kegiatan-kegiatan mereka itu tidak bertentangan, di antara satu sama lain. Usaha-usaha yang akan dijalankan oleh UDA ialah lain daripada usaha-usaha yang akan dijalankan oleh MARA di dalam pembangunan usahawan-usahawan ini.

Di dalam MARA memang kita ada satu Jabatan khusus berhubung dengan ini yang mana khidmat nasihat akan disatukan dengan Jabatan Pinjaman dan tiap-tiap peminjam itu akan diselidiki dengan sehalus-halusnya dan tiap-tiap pinjaman itu akan dilulus kerana projek itu ialah viable bukan sahaja dari segi projek itu sendiri tetapi juga dari segi potensi usahawan itu untuk berjaya di dalam perusahaan berkenaan.

Berhubung dengan latihan-latihan yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru, latihan-latihan khusus untuk membangunkan usahawan ini telahpun disatukan di bawah Pusat Daya Pengeluaran Negara yang dikelolakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kursus-kursus yang dibuat oleh MARA adalah khusus yang akan ditumpukan kepada keupayaan MARA sendiri dari segi bimbingannya kepada peminjam-peminjam MARA sendiri.

Berhubung dengan Maktab Rendah Sains MARA, sukalah saya mengatakan bahawa memanglah menjadi hasrat kita untuk membanyakkan lagi Maktab ini dan sekarang

ini kita telahpun ada di Negeri Sembilan, Pahang, Trengganu, Kelantan dan Kedah dan rancangan-rancangan sedang dibuat untuk mengadakan di Perak, Pulau Pinang, Johor dan Selangor. Kita telahpun menyiapkan satu laporan berhubung dengan pentadbiran-pentadbiran maktab-maktab ini untuk dikemaskan lagi dan kita juga sedang meneliti kemungkinan pelajar-pelajar di maktab ini diasingkan, iaitu tidak lagi co-education seperti yang ada sekarang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menyuarakan berhubung dengan dasar Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang yang mana pada pendapatnya tidak memberi kesan kepada Bumiputra-bumiputra di Pulau Pinang. Saya sukalah menegaskan di sini bahawa usaha-usaha yang dijalankan oleh perbadanan-perbadanan ini ialah terbahagi kepada dua, iaitu pembangunan infrastruktur untuk mewujudkan satu climate fizikal untuk pembangunan ekonomi negeri itu sendiri dan kedua ialah menyertai dalam perdagangan dan perusahaan sebagai satu badan membeli ekuiti bagi pihak bumiputra, iaitu sebagai pemegang amanah. Jadi mereka tidak akan mewujudkan pembangunan-pembangunan usahawannya sendiri seperti yang diusahakan oleh MARA dan UDA. Pengujudan ini akan diusahakan khusus oleh badan-badan ini sahaja dan saya sukalah menegaskan bahawa kita faham atas kedudukan-kedudukan Pulau Pinang, sebab itulah Kerajaan telah mewujudkan satu jawatankuasa khusus untuk membangunkan ekonomi Bumiputra di Pulau Pinang sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan Balik Pulau juga membangkitkan perkara berhubung dengan pelesenan. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas pandangan-pandangan mereka berdua. Saya sedar di atas apa yang berlaku di dalam Lembaga ini dan kami sedang mengkaji di atas dasar-dasar yang tertentu supaya dapat kita menyelaraskan kedudukan perkara ini dan satu dasar yang baru belum pun lagi diumumkan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau itu. Tetapi memanglah ada kemungkinan bahawa keutamaan-keutamaan akan diberi kepada pengusaha-pengusaha yang akan membawa teksi-teksi itu sendiri dan juga barangkali kepada syarikat-syarikat

koperasi yang mana ahli-ahlinya mestilah menjadi pembawa-pembawa teksi itu sendiri.

Begitu juga berhubung dengan bas kilang, kita juga akan mengkaji perkara ini dan lesen-lesen akan dikeluarkan kepada pengusaha-pengusaha yang mana akan mendapat sponsorshipnya daripada kilang itu sendiri. Ini akan menentukan bahawa tiap-tiap pemandu yang membawa bas kilang itu memang dapat penumpang-penumpangannya daripada kilang-kilang yang tertentu. Jadi masalah yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau itu seharusnya tidaklah berbangkit.

Itulah sahaja pandangan-pandangan saya berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada mereka di atas pandangan-pandangan yang bernas itu.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$57,921,100 untuk Maksud B. 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$221,685,430 untuk Maksud P. 36 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1979.

Tuan Pengerusi: Oleh sebab waktu ada lagi, maka saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan mengemukakan Anggaran Perbelanjaannya bagi tahun 1979 di bawah Belanja Mengurus B. 37 dan Pembangunan P. 37.

Maksud B. 37 (Jadual)—

Maksud P. 37 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

6.28 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengemukakan Anggaran Belanja Kementerian Kesihatan bagi tahun 1979 yang berjumlah \$755,224,700; \$647,742,100 darinya bagi Belanja Mengurus di bawah Maksud B. 37, sementara \$107,482,600 bagi Belanja Pembangunan di bawah Maksud P. 37. Tambahan Belanja Mengurus ini berbanding dengan anggaran tahun 1978 ialah \$70,334,100 ataupun 12.2%, manakala tambahan Belanja Pembangunan merupakan pula melebihi sebanyak 22.3% dari anggaran tahun ini.

Pada keseluruhannya peruntukan yang dipohon bagi tahun 1979 bertambah sebanyak \$89,937,390 atau 13.5% dari tahun 1978. Peruntukan bagi Belanja Mengurus adalah terdiri dari \$426,785,400 untuk emolumen, iaitu tambahan sebanyak 14.2% Tambahan ini ialah kerana pelaksanaan Gaji Kabinet bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang berjumlah \$11,140,100 dan juga tambahan gaji kakitangan yang sedia ada dan gaji kakitangan baru. Jumlah peruntukan yang dipohon bagi perkhidmatan dan bekalan pula ialah \$191,143,800 iaitu tambahan sebanyak 6.4%.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bolehlah sambung pada hari Isnin.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 27hb November, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.